BAB IV

Pertembungan Aliran Pemikiran Moderat Dengan Radikal

(1982-1990)

Pengenalan

Gabungan antara pengaruh tempatan dengan pengaruh luaran adalah ramuan yang penting dalam pembentukan gerakan Islam yang dinamik. Ini terbukti melalui hubungan gerakan dakwah ABIM dengan gerakan Islam luar negara, terutamanya di Timur Tengah telah menyumbang saham yang besar terhadap perkembangan kebangkitan gerakan Islam di Malaysia. Paul Stange dalam analisisnya tentang fenomena ini menegaskan:

> "...most important ABIM a nation-wide and locally rooted movement. It has been strongly connected with international revivalism in Iran and the Arab Middle East raising consciousness of those area locally. It attracted a young and well-educated membership under leadership Anwar. Generally in Malaysia during 1970's and 1980's explicit and publicly indicated adherence to Islamic practices has been strongly on the upsuing with in the Malay community." [1]

Sejak gerakan dakwah di Malaysia aktif memperjuangkan Islam sebagai cara hidup pada akhir tahun 1960-an berhadapan dengan golongan elit pemerintah yang mempertahankan pemikiran sekular, maka kedatangan pengaruh revolusi Iran merupakan satu ujian terhadap ketulenan gerakan Islam di Malaysia sama ada ia hanya sekadar 'salinan karbon' kepada gerakan Islam Timur Tengah atau merupakan gerakan yang tersendiri. Sebuah gerakan Islam yang tulen adalah gerakan yang mandiri dan tersendiri

[1] Paul Stange, "Religious Change in Contemporary Southeast Asia", dalam Nicholas Tarling (editor), ***The Cambridge History of Southeast Asia***, (New York: Cambridge University Press, 1992), Vol. 2, hlm. 573-4.

dalam erti kata ia tumbuh dan muncul serta berkembang dalam realiti masyarakat Islam itu sendiri, bukan diimport dari luar negara.[2]

Pada awal dekad 1980-an gerakan Islam di Malaysia berhadapan dengan pengaruh revolusi Iran, pucuk pimpinan PAS dan ABIM berpendirian sama dan sekata bahawa revolusi Islam Iran hanya dijadikan sebagai sumber inspirasi, bahan kajian perbandingan dan pengalaman yang patut dipelajari bukan meniru apa yang berlaku.[3] Sebenarnya, gerakan Islam di Malaysia bertambah kuat dengan kedatangan pengaruh revolusi Islam Iran itu walaupun masyarakat Melayu pada umumnya tidak menyukai pendekatan militan.[4]

---

[2] Lihat, Fathi Yakan, ***Apa Erti Saya Menganut Islam?,*** (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1986), hlm. 142 (bab ciri-ciri prinsip gerakan Islam). Menurut Anwar Ibrahim, ABIM sejak mula diasaskan merupakan gerakan yang tersendiri (unik) kerana persatuannya yang berdasarkan kepada akidah Islamiah. Lihat, ***Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM ke-10***, 7-9 Ogos, 1981, di Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya, hlm. 6.

[3] Lihat, Anwar Ibrahim, "Islam-Penyelesaian Kepada Masalah Masyarakat Majmuk", ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-8***, Bangi: Dewan Canselor Tun Abdul Razak, UKM, 1979, hlm. 29. Anwar Ibrahim, "Membina Generasi-Satu Gagasan", ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-10***, Kuala Lumpur: Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, 1981, hlm. 10-11. Lihat juga, Tuan Haji Yusof Rawa, ***Membina Ketahanan Ummah***, (Pulau Pinang: Dewan Muslimat Sdn Bhd., 1995), hlm. 18

[4] Lihat, Yusuf Rawa, "Ke Arah Pembebasan Ummah" dlm. Kamarudin Jaffar (ed.) ***Memperingati Yusof Rawa*** (Kuala Lumpur: IKDAS, 2000), hlm. 44; Lihat juga, Kenyataan Hj Munawir Sjadzali, ***Berita Harian***, 1 Oktober, 1987.

Kebangkitan Revolusi Islam

Kemenangan revolusi Iran melalui gerakan revolusi dan kejayaannya mengasaskan republik Islam Iran telah menjadi sumber inspirasi dan galakan kepada gerakan Islam dalam usaha menegakkan negara Islam. Pengaruh revolusi merebak ke seluruh dunia Islam dan menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat antarabangsa. Ribuan makalah serta ratusan buku dihasilkan. Penulis-penulis Barat menanggapinya sebagai satu cabaran kepada tamadun Barat.[5] Di Malaysia, kejayaan revolusi Iran dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada gerakan dakwah dalam menentang arus kebangkitan pengaruh gerakan sekular.[6]

Pada peringkat awal hubungan antara gerakan Islam, terutamanya ABIM dan PAS dengan revolusi Iran adalah dalam bentuk siri lawatan ke Iran dan rapat umum sebagai menyatakan sokongan ke atas kejayaan mereka menegakkan keadilan dan menentang kezaliman.[7] Pimpinan ABIM dan PAS ketika itu begitu tegas dan berhati-hati

---

[5] Satu Persidangan Antarabangsa mengenai kesan global Revolusi Iran telah diadakan pada 4-5 Februari 1987 di Florida dan kemudian kertas-kertas pembentangan dikumpulkan dalam sebuah buku yang diedit oleh John L. Esposito (ed.), ***The Iranian Revolution: Its Global Impact*** (Miami: Florida University Press, 1990).

[6] Chandra Muzafar umpamanya berpendapat bahawa faktor revolusi (Iran) adalah faktor kedua yang mendorong kebangkitan Islam sedangkan faktor utama menurut beliau ialah faktor etnik. Lihat, Chandra Muzafar, ***Islamic Resurgence in Malaysia***, (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987), hlm. 36.

[7] Sebagai usaha membela dan memberi sokongan moral kepada Revolusi Islam Iran, satu delegasi yang terdiri daripada wakil-wakil pergerakan Islam di Afrika, Timur Tengah, India-Pakistan, Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Pasifik telah bertolak ke Tehran menemui AyatuLlāh Khomeinī untuk menyatakan semangat perpaduan umat Islam seluruhnya dengan perjuangan Islam di Iran. Wakil pergerakan Islam Asia Pasifik ialah Presiden ABIM, Anwar Ibrahim. Rentetan daripada lawatan tersebut, pada 16 Mac 1979 ditetapkan sebagai Hari Perpaduan Perjuangan Islam di Iran. Di Malaysia, beberapa rapat umum atau perhimpunan telah diadakan oleh ABIM untuk tujuan menyatakan rasa perpaduan itu, misalnya ABIM pusat mengadakan perhimpunan tersebut pada 6 Mac 1979 di Dewan al-Malik Faisal dan kira-kira 5,000 orang turut hadir. Sekali lagi pada Jun 1980, Anwar Ibrahim, selaku Presiden ABIM telah pergi ke Tehran untuk menghadiri satu persidangan yang dianjurkan oleh kerajaan Republik Islam Iran mengenai campur tangan Amerika Syarikat di Iran. Tanpa mendapat restu daripada pimpinan PAS ketika itu (Datuk Asri) sebahagian pemuda PAS berkunjung ke Iran selepas Revolusi. Lihat, ***Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM*** Pusat pada 13-15 Julai 1979, UKM, Bangi, hlm. 19; Lihat, ***Laporan Muktmar Sanawi***

menyatakan pendirian mereka iaitu tidak akan mengikuti jejak langkah revolusi dalam menegakkan Islam di Malaysia meskipun kedua-duanya dituduh mengadakan hubungan rapat dengan Iran.[8]

Sikap taasub kepada pemimpin sebagaimana yang diterapkan oleh ulama Iran melahirkan pemujaan terhadap tokoh Khomeinī atau "Khomeinisme" di kalangan para pengikutnya dan sifat radikal Syiah yang menolak kepimpinan Ahli Sunnah Waljamā'ah menyebabkan kebanyakan para aktivis gerakan Islam di Malaysia menjauhkan diri daripada pengaruh Khomeinī. Tambahan pula, beberapa aspek pemikiran Khomeinī, terutamanya dalam isu kepimpinan bercanggah sama sekali dengan pemikiran Ahli Sunnah Waljamā'ah. Namun demikian, pemikiran 'Alī Shariatī lebih luas penerimaannya berbanding dengan Khomeinī, terutamanya daripada kalangan para intelek, pelajar dan aktivis politik Malaysia (termasuk Indonesia) dan pemikirannya dibincangkan secara terbuka dalam majalah-majalah berpengaruh seperti ***Risalah*** dan ***Dakwah***.[9] Di antara tulisan Sharī'atī yang berpengaruh ialah ***Haj, On the Sociology of Islam, Man and Islam*** dan ***Peranan Cendekiawan Muslim: Mencari Masa Depan Kemanusiaan.***[10] Manakala

---

ABIM ke 10, 7-9 Ogos, 1981, di Maktab Perguruan Islam Petaling Jaya, hlm. 5; Lihat, Mohd Asri Hj Muda, ***Memoir Politik Asri Meniti Arus***, (Bangi: Penerbit UKM, 1993), hlm. 114.

[8] Fred R. Von Der Mehden, ***Two Worlds of Islam: Interaction Between Southeast Asia and the Middle East,*** (Florida: The University Press of Florida, 1993), hlm.76; Datuk Asri juga berpendapat bahawa cara revolusi di Iran itu sama sekali tidak sesuai dengan iklim dan suasana negara kita. Lihat, Asri, ***Memoir Politik Asri***, hlm. 114; tindakan radikal ala revolusi Iran akan membolehkan pihak berkuasa mengawal dan menindas gerakan Islam. Lihat, Esposito, ***The Iranian Revolution,*** hlm.11.

[9] Lihat, Esposito, ***The Iranian Revolution***, hlm.11-12.

[10] Lihat, 'Alī Sharī'atī, ***Haj*** (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1983); (penerbit Ikraq, 1987 & 1989); Idem., ***On the Sociology of Islam*** (Berkley: Mizan Press, 1979); Idem., ***Man and Islam*** (Houston, TX: Free Islamic Lit., 1981); Idem., ***Peranan Cendekiawan Muslim: Mencari Masa depan Kemanusian***, (Kuala Lumpur: Thinker's Library, 1987).

tulisan Khomeinī pula yang dibincangkan termasuklah ***al-Hukūmah al-Islāmiyyah, Islam and Revolution, Jihad Yang Agung,*** dan ***Kashf al-Asrār.***[11]

Untuk menyekat pengaruh revolusi merebak secara meluas di kalangan masyarakat Islam, pihak kerajaan Malaysia memberi amaran kepada kedutaan Iran supaya jangan terus mengadakan hubungan dengan kumpulan tertentu yang bertujuan membentuk negara Islam.[12] Dari sudut hubungan diplomatik, kerajaan mengadakan hubungan diplomatik secara rasmi dengan republik Iran.[13] Sikap sederhana pimpinan gerakan Islam dan tindakan pro aktif kerajaan mengadakan hubungan rasmi dengan republik kerajaan Islam Iran itu membolehkan kerajaan membendung dan mengawal pengaruh gerakan yang ingin menentang kerajaan secara revolusi.

Namun demikian, pengaruh radikalisme yang wujud di kalangan para pemuda PAS akibat daripada pengaruh revolusi tersebut adalah sukar dikawal tetapi dari aspek yang lain radikalisme sebenarnya menjadi faktor perubahan besar kepada kepimpinan ulama. Misalnya, Dewan Pemuda PAS mengambil sikap radikal berbeza dengan pimpinan PAS pusat dengan menganjurkan supaya pimpinan ulama diberi hak keistimewaan memimpin parti mengikuti pendekatan Iran yang mengutamakan *wilāyah*

---

[11] Lihat, Khomeinī. ***al-Hukūmah al-Islāmiyah*** (Bayrūt: Muassasah al-A'lāmī, t.t); Idem., ***Islam and Revolution*** (Berkley: Mizan Press, 1980); Idem., ***Kashf al-Asrār*** ('Ammān: Dār 'Umar, 1987); Idem., ***Jihad Yang Agung*** (terj. Fadlullah Shuib), (Kuala Lumpur: Islamic Media and Comunications, 1983). Kitab-kitab Khomeini, ***al-Hukūmah al-Islāmiyah*** dan ***Kashf al-Asrār*** mengandungi isu-isu kontroversi kerana menyentuh masalah-masalah seperti kedudukan imam-imam yang mengatasi kedudukan Malaikat, Nabi dan Rasul dan juga pandangannya yang menghina sahabat Nabi adalah sebahagian daripada asas-asas akidah Syiah yang nyata bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamā'ah. Lihat keterangan lanjut, Zakaria @ Mahmud Daud, "Pandangan Imam Khomeinī dalam Kitab ***al-Hukūmah al-Islāmiyah*** dan ***Kasyfu al-Asrār***" dlm. Sulaiman Nordin et.al., ***Syiah Imamiyyah: Mazhab Ke 5?,*** (Bangi: Pusat Pengajian Umum, UKM, 1993).

[12] Lihat, ***Straits Time***, July 7, 1979; **Star** (Penang) July 19, 1979; ***Star***, Oct. 7, 1982.

[13] Pada tahun 1980, Menteri Perusahaan Iran melawat Malaysia; Pada tahun 1981 Hashemi Rafsanjani, Speaker Dewan Rakyat melawat Kuala Lumpur dan berjumpa Dr. Mahathir; Pada tahun 1982, Iran

faqīh sebagai syarat pimpinan mereka.[14] Sungguhpun begitu, menurut Yang Dipertua PAS, Haji Yusuf Rawa bahawa para intelektual Islam dan mujahid tetap mendapat tempat dalam perjuangan PAS. Oleh itu, PAS berusaha merubah Dewan Ulama kepada Dewan Ulama dan Intelektual Islam.[15] Namun demikian, perlaksanaan konsep pemaduan ulama dan intelek tidak terlaksana dengan baik. Penyertaan para intelek agak dingin dan pimpinan PAS dilabelkan sebagai parti 'ustaz' dan para intelek lebih cenderung menyertai gerakan dakwah dan ternyata penyertaan kedua-dua kelompok tersebut lebih seimbang dalam ABIM.[16]

Pengaruh radikalisme telah merebak ke seluruh organisasi PAS sehingga wujud pertentangan antara golongan pemuda yang mendapat inspirasi Revolusi Iran dengan pimpinan 'konservatif' yang dipimpin oleh Datuk Asri.[17] Akibat desakan Dewan

---

menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur dan seterusnya hubungan rasmi bertambah erat. Lihat, Mehden, ***Two Worlds of Islam***., hlm. 66.

[14] Dewan Pemuda mengadakan muktamar tahunannya yang berasingan di Bukit Mertajam. Lihat, Asri Haji Muda, ***Memoir Politik Asri***, hlm. 114. Menurut Abu Bakar Hamzah, tuduhan bahawa konsep politik PAS yang berteraskan kepimpinan ulama meniru Iran atau Khomeini adalah fitnah; ia adalah kesedaran dalaman parti yang tidak sanggup hanyut di bawah pimpinan tokoh-tokoh yang buta Qur'ān dan buta Hadis. Lihat, Abu Bakar Hamzah, ***Konsep Kepimpinan Ulama Dalam Politik***, (Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi, 1983), hlm.3.

[15] Kepimpinan ulama yang dimaksudkan ialah "menempatkan para ulama yang memiliki ilmu syariat dan mendukung serta memeliharanya, sebagai pemandu dan pengarah dalam perjuangan kita, bukan bermakna menghambat golongan bukan ulama dari berperanan dalam gerakan Islam dan pentadbiran parti." Tuan Haji Yusuf Rawa, "Ke arah Pembebasan Ummah", ***Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS***, pada 29 April 1983 di Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 30.

[16] Sejak penubuhan ABIM 1971, gabungan pimpinan 'ulama-intelek' dapat dilihat dalam pelantikan ahli jawatankuasa pusat (1971-1998); begitu juga halnya dengan kepimpinan negeri-negeri; kebanyakan kepimpinan negeri diketuai oleh para 'ustaz' dan AJK ABIM pula terdiri dari pelbagai kalangan, terutamanya pegawai-pegawai kerajaan; lihat, Md Sidin Ahmad Ishak (penyelenggara), ***Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1996)***, (Kuala Lumpur: Blue-T Sdn Bhd., 1996); Laporan-Laporan Tahunan dan Minit Muktamar Sanawi ABIM Pusat dan Negeri-Negeri sejak tahun 1973 hingga tahun 1998 di Arkib ABIM, PLA, Kajang.

[17] Dalam Muktamar Tahunan PAS ke 28 di Balai Seminar Dewan Bahasa dan Pustaka, suasana tegang dipenuhi dengan gambar-gambar tokoh revolusi Iran, pekikan dan laungan yang mengganggu ucapan. Malah pekikan Marakbar Asri (mampuslah Asri) berselang seli dengan kalimah suci ALlahu Akbar. Dan

Pemuda PAS, kepimpinan ulama telah diinstitusikan secara rasmi dengan berlakunya pindaan terhadap perlembagaan parti dan termasuk dalam pindaan itu ialah penubuhan "Majlis Syura Ulama."[18] Kalangan pemuda mendesak Datuk Asri supaya mengubah corak kepimpinan ke arah yang lebih tulen keislaman, cara hidup hendaklah bersifat sederhana, berilmu, tawaduk dan sebagainya. Sesuai dengan pendekatan ulama, PAS memperkenalkan semula pakaian jubah, serban, berjanggut mengikut Sunnah Nabi (*Ṣallal.lāhu 'alaihi wa sallam*). Maka, berlaku pertentangan antara golongan tua dengan golongan muda dalam pemilihan parti sejak 1981 yang akhirnya golongan tua berjaya disingkirkan. Pendekatan sederhana pimpinan PAS tidak dapat menahan arus pengaruh radikal yang melanda gerakan pemuda (Dewan Pemuda PAS) awal dekad 1980-an akibat kesan revolusi Iran dan krisis kepimpinan yang melanda PAS. Tekanan kuat daripada Pemuda menyebabkan berlakunya peralihan kepimpinan daripada kebangsaan Melayu Islam kepada kepimpinan ulama dalam PAS.[19]

Golongan muda menggunakan isu "*'aṣabiyyah*" untuk menjatuhkan golongan tua yang 'konservatif' dan juga untuk menolak fahaman kebangsaan sempit yang diperjuangkan oleh UMNO. Istilah-istilah yang berbentuk radikal diucapkan dalam perhimpunan yang diadakan seperti *kāfir, ṭāghūt, mustaḍ'afīn, mustakbirīn, Lā*

---

inilah salah satu punca Asri terpaksa mengundur diri daripada saf pimpinan PAS. Lihat, Mohd Asri Hj Muda, ***Memoir Politik Asri*** , hlm. 114-117.

[18] Penubuhannya pada 1 Mei 1983 dan seorang ketua Majlis Syura Ulama dikenali sebagai "Mursyid Al-'ām. Lihat, Perlembagaan PAS pindaan 1983; draf pindaan ini diusahakan oleh Nakhaie Hj Ahmad dan Hasan Shukri

[19] Zambry Abd Kadir melalui tesisnya Religion and Politics mendapati bahawa Pemuda PAS banyak mendapat pengaruh revolusi Islam Iran seperti slogan kepimpinan ulama, mustaḍ'afīn lawan mustakbirīn, Lā Syarqiyyah, Lā Gharbiyah, Islāmiyyah, Islāmiyah, zalim lawan adil, iman lawan ṭāghūt, ḥizbulLāh lawan ḥizbus-syaiṭān dan sebagainya. Lihat, Zambry Abd Kadir, Religion and Politics: The Search For Political Legitimacy of the Pan-Islamic Party of Malaysia, Ph.D Thesis, Temple University, 1995, hlm. 311-319.

Syarqiyyah Lā Gharbiyyah, Islāmiyyah, Islāmiyyah; kezaliman lawan keadilan; iman lawan ***ṭāgḥūt; ḥizbuLlāh*** lawan ***ḥizb ash-Syaiṭān***; PAS lawan UMNO.[20] Justeru kerana terlalu kuat pengaruh revolusi menyebabkan tersingkirnya pimpinan Datuk Asri dan para pengikutnya secara tragedi dan radikal.

Sebenarnya, pengaruh revolusi hanya dapat menyerap dalam pendekatan radikal untuk mendapat kuasa politik tetapi tidak menjadikan mazhab Syiah sebagai pegangan agama dan politik PAS. PAS tetap mendukung faham Ahli Sunnah Waljamā'ah[21] dan asas pemikiran gerakan Islam PAS dikatakan lebih mirip kepada al-Ikhwān al-Muslimūn.[22] Para pemikir Syiah di Malaysia tidak menggunakan pendekatan parti untuk menyebarkan pengaruh Syiah tetapi menggunakan pendekatan polemik, penerbitan, seminar, muktamar haji dan sebagainya untuk menyebarkan pemikiran mereka. Pemikiran mereka ditentang hebat oleh pemikir-pemikir Sunnah tempatan dan kerajaan pula bertindak tegas menahan para aktivis Syiah di bawah Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA) bagi mengawal pengaruh mereka.[23]

---

[20] ***Ibid.***, hlm. 319; Chandra Muzafar, ***Islamic Resurgence in Malaysia***, hlm. 85-86.

[21] PAS tidak menyatakan aliran mazhab tertentu dalam perlembagaannya; ***Perlembagaan PAS*** menyebutkan bahawa hukum tertinggi PAS ialah Kitabullah dan Sunnah Rasul serta Ijmak 'ulama dan Qias yang terang dan nyata. Lihat, ***Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS) (Pindaan 1993),*** hlm. 4; Lihat juga, Hassan Shukri, ***Ke Arah Memahami Dasar dan Pegangan PAS*** (Rantau Panjang: Badan Perhubungan PAS Negeri Selangor, 2002), hlm. 23-27; Dari sudut amalannya, kebanyakan ulama PAS berpegang kepada aliran Ahli Sunnah Waljamā'ah yang mazhab Shafii. Temu bual dengan Hassan Shukri pada 29 Jun 2002 di Taman Melewar, Kuala Lumpur.

[22] Majalah ***ad-Da'wah***, sebuah majalah rasmi al-Ikhwān al-Muslimūn menerbitkan sebuah artikel tentang pengaruh al-Ikhwān al-Muslimūn ke atas PAS seperti konsep Mursyid Al-'ām. Lihat, ***Majalah ad-Da 'wah,*** bil. 66, Oktober, 1997 bersamaan Jamādil-Akhīr 1418, hlm. 24.

[23] Polemik Sunnah-Syiah berlaku sekitar akhir tahun 1980-an dan tahun 1990-an. Di antara tokoh-tokoh yang terlibat ialah Hasan Salleh (bekas Ketua Ulama PAS Wilayah persekutuan) dan Mustafa Haron berpolemik dengan Mohd Asri Yusuf manakala Dr. Lutfi Ibrahim berpolemik dengan Wan Zahidi Wan Teh. Polemik mereka diterbitkan secara bersiri dalam akhbar ***Watan*** dan majalah ***al-Islam***. Lihat, ***Watan*** 16 Mac, 1989; 30 Mac 1989; 13 Jun 1989; 15 Jun 1989; Lihat, ***al-Islam***, bil. 8, 9, 10, 11, 12 (Ogos-Disember, 1989); Lihat, jawapan kumpulan Syiah "Dar Ahl-Ul-Bait" terhadap tuduhan Wahabi dan Mohd. Asri (Ahli Sunnah) dlm. ***Sunnah-Shi'ah Dalam Perpaduan Islam*** t. pen. (Kuala Lumpur: Dar Ahl-Ul-

Aliran pemikiran gerakan revolusi dan gerakan secara rahsia untuk mewujudkan republik Islam ala Iran yang diperjuangkan oleh kumpulan IRC (dan Suara Islam) telah berjaya disekat daripada menguasai pimpinan PAS sejak zaman pimpinan Yusuf Rawa lagi. Begitu juga, pengaruh Syiah dan revolusi berjaya dikawal dalam gerakan ABIM. Presidennya, Anwar Ibrahim mengingatkan awal-awal lagi bahawa pendekatan revolusi boleh membawa sikap takfir dan menentang segala bentuk kerjasama dengan orang-orang yang di luar kelompok mereka atau lebih-lebih lagi di kalangan bukan Islam.[24]

Sungguhpun pengaruh Syiah dikawal oleh pemerintah dan ia tidak berjaya menguasai gerakan Islam di Malaysia, namun demikian pengaruh Syiah turut tersebar kepada masyarakat awam selepas kemenangan revolusi Iran, ini terbukti dengan bertapaknya kumpulan Syiah Ja'fariyah atau Imām Ithnā Asy'ariyyah (Imam Dua Belas) di Malaysia pada tahun 1979.[25] Pengaruh Syiah turut tersebar melalui kegiatan-kegiatan

---

Bait, 1993). Di antara aktivis Syiah ialah Dr. Lutfi Ibrahim, Fadhlullah Shuib, Syed Jaafar al-Sagoff, tokoh-tokoh berkenaan pernah ditahan di bawah ISA oleh kerajaan kerana kegiatan mereka dikatakan menyebar ajaran Syiah. Syed Jaafar al-Sagoff bersama 3 orang anaknya pernah ditahan polis di bawah ISA kerana menyebarkan risalah al-Quds. ***Utusan Malaysia*** 5 Oktober 1987.

[24] Lihat, Anwar Ibrahim, "Membina Generasi-Satu Gagasan" ***Ucapan Dasar Muktamar ABIM ke-10***, Dewan Tunku Canselor, UM, 9 Ogos 1981, hlm. 18.

[25] Pengaruh ajaran ini menular ke negara ini sama ada melalui bahan-bahan bacaan dan orang perseorangan yang berkunjung ke Iran. Faham Syiah ini bertambah meruncing apabila beberapa orang pensyarah universiti tempatan memainkan peranan menyebarkan faham ini secara serius kepada para pelajar di IPT seperti yang dilakukan oleh Dr Lutfi Ibrahim (pensyarah JPIUM/AIUM). Faham ini turut tersebar di kalangan orang awam di Kelantan, Johor, Perak, Wilayah Persekutuan dan Selangor. Di Malaysia, pengikut kumpulan ini dianggarkan antara 300-500 orang. Di antara gejala yang timbul daripada fahaman ini ialah adanya usaha menghantar pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke Iran (kebanyakan mereka belajar di Qum). Wujudnya kes kahwin Mut'ah di IPT, Johor dan Kelantan; tersebar secara meluas buku-buku Syiah seperti ***Kasyf al-Asrār, al-Hukūmah al-Islāmiyyah, Taḥrīr al-Wasīlah*** oleh al-Khomeinī, buku ***aṣ-Ṣabah min as-salaf*** oleh al-Murtaḍā az-Zubaidī, ***Kitab al-Uṣūl min al-Kāfi*** oleh Syeikh Muḥammad bin Ya'qūb al-Kulaynī, kitab ***Murāja'ah*** oleh Syeikh 'Abdul Husin Syarafuddīn al-Musāwī, ***Peshawar Nights*** oleh as-Sayid Muḥammad Rāis al-Wāḥidīn, ***Mafātih al-jittān*** oleh Syeikh 'Abbās al-Qummī, ***Minhaj Kebenaran dan Pendedahannya*** oleh al-Ḥasan bin Yūsuf al-Muṭahhar al-Ḥully diterjemah oleh Prof Madya Dr. Lutfi Ibrahim (tahun 1993), ***as-Ṣaḥābah*** oleh Haidar, ***Ahlu al-Bayt*** oleh Dr. Mahfuz Mohamed, ***Syahadah Abu Hurairah dan Ajaran Nabi*** oleh Mukmin Abdullah. Wujudnya sokongan daripada golongan tertentu kepada pengaruh Syiah, terutamanya golongan ahli politik. Wujudnya kesamaran dan keraguan orang

ilmiah di pusat-pusat pengajian tinggi seperti ceramah, seminar, muktamar haji dan sebagainya. Apabila gerakan Syiah diharamkan, maka gerakan Syiah tersebar secara rahsia dan sikap "taqiyyah" (berpura-pura) membantu mereka mengembangkan pemikiran Syiah kepada pelajar-pelajar dan belia-belia yang bersemangat.

Pengunduran Datuk Asri daripada PAS mencetuskan perubahan pimpinan kepada ulama dan melibatkan juga perubahan pendekatan berhadapan dengan parti pemerintah. Era pimpinan ulama dimulai dengan tokoh lama yang pernah bersama pimpinan Datuk Asri iaitu Haji Yusuf Rawa, seorang yang bertanggung jawab memberi nafas baru kepada PAS dan beliau dianggap sebagai arkitek 'PAS baru' pada tahun 1980-an.[26] Beliau dibantu oleh tokoh-tokoh muda, bekas pimpinan ABIM seperti Haji Hadi

---

ramai terhadap ajaran dan pegangan Islam yang sebenar, contohnya dalam aspek perkahwinan, pengkebumian dan sebagainya. Lihat, *http://www.gov.my/artikal/syiah;* lihat juga, buku ***Penjelasan Terhadap Fahaman Syiah,*** (Kuala Lumpur: JAKIM, t.t.). Syiah Ismā'iliyyah dan Ghulāh paling banyak mempengaruhi ajaran sesat di negara ini, terdapat 60 ajaran sesat yang mempunyai persamaan dengan ajaran Syi'ah Ismā'iliyyah Bāṭiniyyah. Lihat, Kertas Kerja bertajuk; Sejarah Ajaran Sesat di Seminar Kebangsaan Pembangunan Islam dan Ancaman Ajaran Sesat oleh Wan Mohd. Azam Wan Mohd Amin di Pusat Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur; lihat juga, "Lebih 40 Ajaran Sesat Dikesan"dlm. ***Berita Harian,*** 24 Nov. 2000 (Jumaat).

[26] Yusuf bin Abdullah ar-Rawa dilahirkan di Acheh Street, Pulau Pinang pada 8 Mei 1922. Bapanya Abdullah bin Mohd Noordin ar-Rawa, pendatang dari Rawa, Sumatra. Beliau memulakan pendidikan awalnya di sekolah Melayu kemudian melanjutkan pengajian di Penang Free School hingga memperoleh sijil Junior Cambridge. Kemudian bapanya menghantar beliau ke Makkah untuk belajar pengajian Islam di Ma'had al-FALlah. Selepas Perang Dunia II, beliau kembali ke tanah air dan terus bekerja membantu menguruskan syarikat penerbitan yang diwarisi daripada ayahnya. Di samping itu, beliau aktif berkarya menghasilkan buku-buku agama dan bahasa Arab untuk rujukan sekolah-sekolah agama ketika itu. Beliau menyertai PAS sejak awal penubuhannya dan berkhidmat sebagai Jawatan Kuasa Agung parti tersebut beberapa tahun. Dalam tahun 1969, sebagai calon PAS beliau berjaya mengalahkan Dr. Mahathir di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan (Kedah). Yusuf Rawa mengekalkan kerusi tersebut pada tahun 1974 ketika PAS berada dalam kerajaan campuran. Dalam kabinet Tun Razak, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama kemudian dilantik sebagai Duta Malaysia ke Iran, Afghanistan dan Turki. Dalam pilihan raya umum 1982, beliau tewas kepada Dr Mahathir di kawasan Parlimen Kubang Pasu dan sekali lagi tewas di Tasek Gelugor pada tahun 1986. Apabila Datuk Asri meletak jawatan pada tahun 1982, beliau memangku jawatan Yang Dipertua PAS sehinggalah beliau dilantik sebagai YDP PAS Pusat pada tahun 1984 hingga 1989. Di antara peranan utama dalam gerakan Islam ialah beliau berjaya menerbitkan majalah ***al-Islāh*** (jawi) diterbitkan dua kali sebulan. Majalah tersebut memuatkan pemikiran tokoh-tokoh gerakan Islam semasa seperti Sayid Quṭb, Mawdūdī, Muhamad Natsir, Hamka dan lain-lain lagi. Beliau adalah tokoh yang melaksanakan slogan kepimpinan ulama dan memperkenalkan jawatan "Murshid Al-'ām" dan kemudian beliau dilantik dengan jawatan itu setelah mengundur diri dari jawatan Yang Dipertua PAS pada tahun 1989. Dalam masa kepimpinan beliau, pendekatan dikotomi antara Islam (PAS) menentang sekular (UMNO) yang melahirkan pertentangan antara Islamis dan sekularis dan kemuncaknya

Awang, Haji Fadzil Mohd. Noor dan Haji Nakhaie Ahmad yang mengambil peluang menerapkan pengaruh gerakan Islam ke dalam parti.[27]

Yusuf Rawa ketika mula memimpin PAS menggariskan hala tuju perjuangan PAS dengan mengingatkan masyarakat Melayu supaya membebaskan ummah daripada belenggu dan penguasaan kekufuran, kefasikan dan penindasan ***ṭāgẖūṭ*** dan *mustakbirīn* pada semua peringkat. Tumpuan dan hala tuju kepimpinan beliau itu terkandung dalam ucapan dasar Muktamar Tahunan ke-29.[28] Dalam rangka menuju matlamat tersebut, terdapat halangan terbesar iaitu pemikiran nasionalisme 'aṣābiyah sekular' atau 'aṣābiyah ẓālim' yang menguasai elit pemerintah. Oleh itu, menurut beliau pendekatan radikal dan berkonfrontasi amat sesuai bagi berhadapan dengan UMNO dan kerajaan yang mengekalkan sistem sekularisme dalam kerajaan dan politik. Untuk itu, pemikiran

---

berlaku tragedi Memali pada tahun 1985. Beliau juga memperlihatkan sikap terbukanya seperti menubuhkan Chinese Consultative Councils (CCC) dan menyertai pakatan pembangkang NASMA, PRSM dan SDP dalam barisan Harakah Keadilan Rakyat (HAK). Beliau memperkenalkan fikrah amal untuk memantapkan ciri gerakan Islam dalam parti PAS. Sebelum kembali bertemu ALlah pada 28 April 2000, beliau sempat menyaksikan Presiden PAS dilantik sebagai ketua pembangkang di Parlimen dan Tuan Guru Haji Hadi Awang sebagai Menteri Besar Terengganu. Lihat, Ibnu Hasyim, ***PAS Kuasai Malaysia?***, (Kuala Lumpur: GG Edar, 1993), hlm. 289-388; Farish A. Noor, "Haji Yusuf Rawa, 'Architect of the New PAS' of the 1980's" dlm. ***http://members.tripod.com~mahazalimtwo/***; Lihat juga, Badrulhisham, Yusuf Rawa Dalam Kenangan, ***Tamadun*** bil. 69, Jun 2000, hlm. 42-44; Subky Latif, Haji Yusuf Rawa dalam Kenangan dlm. ***Harakah***, 1-15 Jun 2000; ***Harakah***, 16-31 Mei, 2000; lihat juga, Mujahid Haji Yusof Rawa, ***Permata Dari Pulau Mutiara*** (Kuala Lumpur: Warathah Haji Yusof Rawa Sdn Bhd dan Dewan Muslimat Sdn Bhd, 2001): Kamaruddin Jaffar, (penyusun) ***Memperingati Yusof Rawa*** (Kuala Lumpur: IKDAS, 2000).

[27] Lihat, Alias Mohamed, ***Pas Platform: Development and Change 1951-1986***, (Petaling Jaya: Gateway Publishing House Sdn Bhd, 1994), hlm. 182. Menurut Alias, penerapan itu ialah penerapan nilai-nilai Islam yang radikal. Kemuncak tindakan radikal perubahan pimpinan adalah pada 23 Oktober 1982 iaitu ucapan dasar YDP telah tidak diterima oleh muktamar dan ucapan menghina Asri. Lihat, Asri, ***Memoir Asri***, hlm. 17; ciri-ciri 'radikalisme' terkandung dalam tema-tema ucapan dasar seperti 'ke arah pembebasan Ummah', 'menggempur pemikiran asabiyyah', 'bertindak menentang kezaliman' 'teguhkan jama'ah teruskan jihad' dan sebagainya. Lihat, Tuan Haji Yusof Rawa, ***Membina Ketahanan Ummah***: Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS (1983-1994), (Kepala Batas: Dewan Muslimat Sdn Bhd., 1995), pendekatan radikal diakui benar diambil oleh pimpinan PAS ketika itu kerana suasana memerlukan berbuat demikian. Kaedah serangan terpaksa digunakan bagi memperkenalkan dan menerapkan dasar dan matlamat perjuangan. Contoh kekerasan yang digunakan ialah membakar akhbar-akhbar harian yang mana laporannya tidak secucuk dengan selera parti PAS. Lihat, "Label Ekstrim PAS Luntur" ***Harakah,*** Rabu, 26 Jun 1998.

[28] Lihat, Yusuf Rawa, "Ke Arah Pembebasan Ummah", ***Membina Ketahanan Ummah***, hlm. 3-42.

asabiyah berbentuk demikian hendaklah digempur dan ditentang habis-habisan sampai ke akar umbi kerana ia bercanggah sama sekali dengan Islam dan juga menjadi punca kemunduran dan penderitaan seluruh rakyat.[29]

PAS mengambil pendekatan dikotomi atau menghukum sama ada Islam atau jahiliah dan juga mengambil pendekatan ofensif menyerang ideologi UMNO yang dikatakan mengambil dasar nasionalis moden dan menghayati ciri-ciri jahiliah seperti *'aṣābiyyah, istikbār, takabbur, nifāq*, pragmatis, oportunis, sekularis dan seumpamanya. Program 'Islamisasi' yang dilancarkan oleh pemerintah dianggap sebagai pengembang dan penerusan strategi "masjid ***Ḍirār***" yang bertujuan melemahkan dan memecahbelahkan gerakan Islam dan umat Islam.[30]

Sebaliknya, PAS ditafsirkan sebagai satu-satunya jemaah di Malaysia yang memenuhi konsep ***ḥizbuLlāh***.[31] PAS mendakwa sebagai pembela dan pejuang Islam yang sebenar berdasarkan al-Qur'**ān** dan as-Sunnah seperti mana tercatat dalam perlembagaannya. PAS mendakwa bahawa partinya mewakili ciri-ciri gerakan Islam yang sebenar kerana memperjuangkan kebenaran dan keadilan, menegak **ḥā**kimiyyah (hak menentukan hukum) adalah hak mutlak ALl**ā**h, menentang kemungkaran dan

---

[29] Lihat, ***Ibid***, hlm. 49.

[30] Masjid Ḍirār adalah masjid yang dibina oleh orang munafik pada zaman RasūluLlāh (*ṢallaLlāhu 'alaihi wa sallam*) yang bertujuan untuk memecahbelahkan umat Islam pada masa itu. Oleh itu, baginda memerintahkan supaya masjid tersebut diruntuhkan. Strategi Masjid Ḍirār dikiaskan dengan program islamisasi pemerintah sekular seperti Maghribi, Mesir, Sudan dan Malaysia. Lihat, "Islamisasi" dlm.Yusuf Rawa, ***Membina Ketahanan Ummah***, hlm.56-60.

[31] Yusuf Rawa ketika membincangkan "HizbuLlāh" dalam Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS ke-34 berhujah berdasarkan surah al-Māidah; ayat 54-56 dan maksud ayat 56 adalah seperti berikut; "Dan barang siapa mengambil ALlāh, RasūlNya dan orang-orang yang beriman menjadi penolongnya, maka sesungguhnya pengikut (agama) ALlāh (*ḥizbuLlāh)* itulah yang pasti menang. Lihat, ***Al-Qur`ān dan Terjemahnya*** (Madīnah: Majma' Khādim al-Ḥaramain, 1412H), hlm. 170: lihat, Yusuf Rawa, "Bertekad Membulatkan Jama 'ah" dlm. Kamarudin Jaffar (ed.), ***Memperingati Yusof Rawa***, hlm. 224-225.

kezaliman. PAS turut mendakwa memiliki ciri gerakan Islam yang tulen dan berada di pihak yang benar kerana ditentang hebat oleh pemerintah sekular, PAS juga adalah pengawal kepada orang lemah dan seumpamanya.[32]

Ideologi baru PAS itu dapat memisahkan perjuangan politik Melayu zaman 1970-an (Datuk Asri) dengan politik Islam zaman 1980-an (ulama) melalui pembatasan politik Islam dengan politik sekular. Pendekatan dikotomi dan juga bahan-bahan terjemahan yang bercorak radikal dari Timur Tengah yang banyak di pasaran ketika itu memberi ruang kepada bertambah meluasnya perkembangan gejala takfir di kalangan masyarakat Melayu dan kemudiannya melahirkan konflik antara Islamis dan Sekularis. Pada pertengahan tahun 1980-an menyaksikan konflik yang memuncak dan pertentangan sengit antara Islamis (PAS) dengan sekularis secara fizikal dalam tragedi Memali 1985.

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO

Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada 29 Mac 1982 menimbulkan isu kontroversi, polemik, konflik malah perpecahan di kalangan para pendukung gerakan Islam di Malaysia. Sebaliknya di pihak UMNO, ia dianggap sebagai "...one of the biggest coups ever achieved by the UMNO-led government."[33] Malah kejayaan itu diraih ketika gerakan Islam mula berada pada tahap momentum dukungan masyarakat Melayu dan tindakan cepat membawa masuk Anwar Ibrahim itu berjaya melemahkan dan

---

[32] ***Ibid.***, hlm. 226-230; PAS menganjurkan model negara Islam mencontohi model Revolusi Iran dengan cadangan pembentukan kerajaan yang kuasa tertingginya dikawal sepenuhnya oleh undang-undang Islam (Syariah). Lihat, Farish A. Noor, "Haji Yusuf bin Abdullah, Architect of the 'New PAS' of the 1980s" dlm. ***http://members.tripod.com~mahazalimtwo/.***

[33] Farish A.Noor, "PAS's Victory ia a Political One" dlm. ***Commentary***, Number 31, December, 1999, hlm.2.

memecahbelahkan kekuatan dan kesatuan gerakan Islam menentang kerajaan dan sekali gus UMNO memperoleh pentauliahan Islamis ketika ia amat memerlukannya.[34]

Ketokohan Anwar Ibrahim sebagai pemimpin gerakan Islam ketika itu dianggap sebagai simbol Islamis menentang sekularis yang didukung oleh parti pemerintah. Oleh itu, kebanyakan aktivis gerakan Islam tidak dapat menerima kemasukan beliau ke dalam UMNO dengan maksud melaksanakan Islam dari dalam kerajaan.[35] Pelbagai teori dikemukakan mengenai faktor-faktor yang tersirat mengenai kemasukan beliau itu seperti inisiatif tokoh gerakan Islam antarabangsa, Ismail Faruqi yang mendekatkan Dr. Mahathir dengan gerakan Islam (ABIM).[36] Ada pula yang mendakwa Perdana Menteri menjemput Anwar Ibrahim adalah atas nasihat pakar-pakar Yahudi bagi melemahkan kebangkitan Islam di Malaysia.[37] terdapat kalangan para pengikut dakwah yang menganggap tindakan beliau sebagai pengkhianat terhadap perjuangan Islam.[38]

Terdapat juga mereka yang terpengaruh dengan sikap dan idea Anwar Ibrahim yang begitu optimis dengan keikhlasan Dr. Mahathir Mohamad dalam tawaran melaksanakan 'Islam dari dalam kerajaan itu'. Tawaran tersebut dianggap sebagai satu peluang keemasan yang diistilahkan sebagai 'menangkap sejarah' dan ini adalah satu

---

[34] ***Ibid***., hlm.3. Datuk Asri, Yang Dipertua PAS ketika itu pernah menawarkan jawatan YDP menggantikan beliau tetapi Anwar Ibrahim (Presiden ABIM) dikatakan menolak tawaran tersebut. Temu bual dengan Razali Nawawi, Presiden ABIM pertama pada 25 Mei 1998 di Shah Alam.

[35] Lihat, ***New Straits Times***, 29 March 1982.

[36] Prof. Ismā'īl Fārūqī mempunyai hubungan yang baik dengan Anwar Ibrahim dan Dr Mahathir Mohamad. Lihat surat Dr. Mahathir kepada Ismā'īl Fārūqī pada 1/11/81; surat Anwar Ibrahim kepada Ismā'īl Fārūqī pada 12/1/1981; dan Surat Ismā'īl Fārūqī kepada Anwar Ibrahim dan Nakhaie Ahmad pada 26/1/1981. Lihat, ***http://members.tripod.com/~surat lama/Mahathir.***

[37] Lihat, "Israel Bukan Suatu Yang Baru" dlm. ***http://members.tripod.com/~mahafiraun***.

[38] Lihat, Gordon P. Means, ***Malaysian Politics: The Second Generation***, (Singapore: Oxford University Press, 1991), hlm. 73. Seterusnya Gordon menyatakan ABIM sebagai pendesak politik telah hilang sokongan dan pengarahan selepas Anwar Ibrahim meletak jawatan sebagai Presiden ABIM.***Ibid.***

cabaran besar untuk merealisasikan idealisme perjuangan Islam sebagai cara hidup dalam kerajaan dan menurut perhitungan beliau ketika itu, UMNO tidaklah memiliki ideologi tertentu, tetapi sebaliknya bergantung kepada siapa yang memimpinnya. Namun demikian pandangan beliau itu ditolak oleh majoriti ahli syura ABIM.[39] Keputusan Anwar Ibrahim memasuki UMNO adalah satu ijtihad fardi atau perhitungan sendiri untuk maslahat mengurangkan pertentangan antara kumpulan Islamis dengan Nasionalis.[40] Oleh itu, beliau terpaksa menanggung risiko sendiri di atas ijtihad tersebut dan terpaksa pula merubah pendekatan radikal kepada moderat dan dalam hal-hal tertentu terpaksa pula bersikap 'apologetik' (mohon maaf) apabila berhadapan dengan aktivis gerakan Islam.

Walau apa pun teori dikemukakan, kemasukan beliau adalah satu *tajribah*, atau percubaan kaedah penyusupan terbuka pengaruh gerakan Islam di Malaysia melalui ijtihad sendiri seorang pemimpin gerakan Islam, bukan ijtihad secara kolektif. Kemasukannya itu adalah secara individu bukan secara kolektif. Walaupun mendapat

---

[39] Walaupun syura ABIM bersetuju menerima perlepasan jawatan Presiden ABIM oleh Anwar Ibrahim, namun demikian, keseluruhan Ahli Majlis Syura Tertinggi ABIM sukar untuk menerima hakikat kemasukan beliau ke dalam UMNO kerana amalan sekularisme yang menebal dalam UMNO ketika itu. Keadaan ini menyukarkan beliau untuk membuat perubahan apatah lagi dilakukan pula secara persendirian. Mereka turut meragui akan kejayaan 'pembaikan dari dalam kerajaan' kerana ia amat bergantung kepada keikhlasan seorang tokoh iaitu Perdana Menteri. Mereka juga amat bimbang dengan risiko 'fitnah' yang bakal dihadapi oleh gerakan Islam akibat tindakan beliau tersebut. Dato' Syeikh Azmi Ahmad ketika diminta memberi pandangan berhubung dengan keputusan muktamad kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO itu, beliau menasihati Anwar Ibrahim supaya memasuki UMNO secara kolektif agar tidak mudah ditipu dan tertipu. Ini berdasarkan peringatan Nabi (*ṢallaLlāhu 'alaihi wa sallam*) kepada orang yang meninggalkan jemaah seperti dalam **Ḥāḍiṣ** baginda yang bermaksud, "sesungguhnya serigala akan baham kambing yang bersendirian." Anwar Ibrahim menegaskan bahawa beliau tetap membawa cita-cita Jemaah dalam perjuangannya itu dan tidak ada sama sekali niat untuk meninggalkan Jemaah (ABIM). Temu bual dengan Dato' Syeikh Azmi Ahmad, salah seorang mantan Ahli Jawatan Kuasa Syura Tertinggi ABIM pada 12 Jun 2000 di Shah Alam.

[40] Muhammad Nur Manuty, "Kemelut Politik Negara dari Perspektif Dakwah dan Survival Ummah" dlm. Forum Sempena Muktamar Sanawi ABIM ke-28 pada 10 September 1999 di Ipoh, Perak; Dr. Razali Nawawi ketika ditemu bual oleh Lum Chih Feng menyebutkan: "Anwar Ibrahim memilih UMNO dengan hajat untuk meredakan warna Nasionalisme kemelayuan UMNO dan menggantikannya dengan ideologi Islam universal." Lihat, Lum Chih Feng, ***ABIM: 3 Dekad Yang Penuh Dugaan*** (Kuala Lumpur: ABIM, 2001), hlm. 18.

tekanan supaya Anwar Ibrahim dipecat dan dihukum, namun demikian pihak syura ABIM secara kolektif tidak berbuat demikian dan memutuskan bersetuju melepaskan beliau sebagai Presiden ABIM.[41] Sebagai sebuah badan dakwah, ABIM bersikap tidak memusuhi beliau malah menghargai jasa beliau yang telah meletakkan ABIM pada tahap yang membanggakan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Namun demikian, sikap sederhana tersebut ternyata merenggang hubungan ABIM dengan gerakan Islam lain, terutamanya PAS.[42] ABIM mengorak langkah mengubah strategi dan pendekatan dakwah selepas kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO pada tahun 1982. ABIM membentuk pendekatan moderat yang dianggapnya sebagai pendekatan yang lebih matang untuk berhadapan dengan situasi radikalisme dan keadaan masyarakat Melayu yang rata-ratanya masih belum menghayati Islam dalam erti kata yang sebenarnya.[43]

Dari sudut pendekatan gerakan dakwah ABIM, kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO menjadi titik tolak rasmi atau batu tanda penting perubahan pendekatan ABIM yang sebelumnya agak radikal menentang pemerintah bertukar corak dengan mengambil pendekatan moderat.[44] Selepas memasuki UMNO dan mendapat tempat

---

[41] Lihat, kenyataan Akhbar ABIM, ***New StraitsTimes***, 30 Mac 1982.

[42] Lihat, kenyataan Subky Latiff, "Effective Separation of ABIM From PAS" , ***Watan*** 27 Julai, 1982.

[43] ABIM tidak mengikut arus radikal ketika itu bertindak menghukum Anwar Ibrahim tetapi melepaskan beliau dengan baik serta mengambilnya sebagai cabaran menghadapi krisis kepercayaan ahli. Oleh itu ABIM meletakkan garis-garis besar haluan perjuangan bagi menghadapi arus perubahan ini. Lihat, Ucapan Dasar, Siddiq Fadil, Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan, ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-11***. Dr Kamal Hasan memberi komen, "*the maturing process appears to be a genuine development.*" Lihat, Kamal Hassan, "The Response of Muslim Youth Organisation," dlm. William R. Roff, ***Islam and the Political Economy of Malaysia***, (London & Sydney: Croom Helm, 1987), hlm 124.

[44] Prinsip *wasaṭiyyatul-Islām* telah menjadi landasan kepada perjuangan ABIM sejak zaman awal penubuhannya lagi. Apabila ia diperkenalkan semula oleh Dr Siddiq Fadil selepas peristiwa kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO; maka sebilangan ahli ABIM menolak pendekatan demikian dan meragui kewibawaan syura malah menuduh kepimpinan beliau sebagai 'Anwariyyun' atau Anwarisme'. Peristiwa ini terjadi dalam Muktamar Sanawi ABIM ke-12 pada 30 Julai-1 Ogos 1983 di Kolej Islam Klang. Ketika sidang pemilihan diadakan, maka berlaku bantahan daripada sebilangan muktamirin yang dikatakan

dalam kerajaan, Anwar Ibrahim mengambil sikap moderat dalam perlaksanaan Islam dan oleh kerana itu beliau terpaksa berhadapan dengan serangan hebat seperti pembelot, munafik, dan fitnah peribadi oleh parti lawan dan aktivis gerakan dakwah yang radikal, namun begitu beliau tidak menyerang balik secara peribadi segala tuduhan yang dilemparkan ke atasnya tetapi menyerang secara kelompok dan parti. Beliau bertanggungjawab memperkenalkan pendekatan *tadarruj* dalam program penerapan nilai-nilai Islam berlawanan dengan pendekatan perlaksanaan Islam secara total menurut perspektif politik radikal.[45]

Cabaran getir ABIM akibat tindakan Anwar Ibrahim memasuki UMNO ialah pelbagai tohmahan, tuduhan dan fitnah terhadap ABIM sehingga berlaku "*azmatuth thiqqah*" krisis kepercayaan terhadap saf kepimpinannya. Sebagai gerakan Islam, ABIM menangani gejala ini dengan mengemukakan kembali pendekatan "*wasatiyyatul-Islām*" dalam bentuk idea dan perlaksanaannya secara konstruktif bagi menghadapi arus kebangkitan 'radikalisme-emosi' dalam gerakan Islam ketika itu.

Pemimpin yang bertanggungjawab menyelamatkan ABIM daripada terjebak dalam arus radikalisme ketika itu ialah Dr Siddiq Fadil[46] yang memperkenalkan semula

---

didalangi oleh kumpulan IRC terhadap cadangan pimpinan baru (untuk tempoh dua tahun) yang dicadangkan oleh syura ABIM Pusat. Maka undian terpaksa dibuat sama ada memilih cadangan syura atau menolaknya dan keputusannya memihak kepada cadangan Majlis Syura. Lihat, Md Sidin (Penyelenggara), ***Angkatan Belia Islam Malaysia***, hlm. 64. Lihat juga, Laporan Muktamar ABIM 1984; lihat, ***Watan***, 15 Novemver 1988, hlm. 31.

[45] Pendekatan tadarruj dalam proses Islamisasi kerajaan seperti penubuhan Universiti Islam, Bank Islam, Takaful dan penyerapan nilai-nilai Islam dapat meredakan tekanan gerakan Islam terhadap kerajaan dan membaiki imej Islam dalam UMNO dan kerajaan. Program Islamisasi kerajaan diisytiharkan oleh Dr. Mahathir Mohamad dalam bentuk pendekatan sederhana yang boleh diterima oleh masyarakat bukan Islam. Lihat, Khoo Boo Teik, ***Paradoxes of Mahathirism***, (New York: Oxford University Press, 1995), hlm. 174-181.

[46] Sidek Fadzil dilahirkan pada 4 Januari 1947 di Kampung Sungai Tiang Darat, Bagan Datuk Perak. Beliau memiliki Sarjana Muda Kelas pertama dalam Pengajian Islam di Universiti Malaya pada tahun 1974. Beliau memperoleh sarjana persuratan (UKM) di bawah bimbingan Prof Syed Naquib pada tahun 1978 dan

pendekatan sederhana berdasarkan perspektif Islam atau *"wasaṭiyyatul-Islām"*.[47] Pada prinsipnya, konsep *wasaṭiyyatul-Islām* dalam gerakan adalah menggabungkan orientasi salaf yakni tradisi amalan Islam di awal perkembangan Islam dengan tajdīd yakni prinsip pembaharuan berteraskan nilai-nilai keagamaan. Dari sudut tindakan, moderat bukan bererti lemah dan mengalah tetapi moderat bererti berbuat menurut kemampuan dan keperluan serta dapat mengimbangi antara ideal dan realiti. Oleh itu, gerakan Islam harus bersifat 'realistik yang berprinsip'.[48] Dari sudut sikap pula, sederhana bererti tidak terlalu ketat dan tidak pula terlalu longgar dan konsep sederhana inilah yang dimaksudkan dalam ayat *ṣirāṭ al-mustaqīm* dalam sūrah *al-fātiḥah* sebagaimana yang ditafsirkan oleh al-Qaraḍāwī.[49] Pendekatan demikian telah melahirkan suatu bentuk penerokaan budaya baru bagi ABIM dalam bidang dakwah di rantau ini yang kemudian dikenali sebagai Manhaj Maliziy.

---

berjaya meraih Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 1989 di UKM. Beliau melibatkan diri dengan ABIM sejak awal penubuhannya dan diberi kepercayaan memangku jawatan Presiden ABIM pada tahun 1983. Selepas Anwar Ibrahim meletak jawatan dan pada tahun 1984 dilantik menjadi Presiden ABIM hinggalah pada tahun 1991. Semasa menjadi presiden, beliau memperkenalkan semula konsep kesederhanaan dalam berdakwah yang melahirkan Manhaj Maliziy. Di antara hasil karya beliau ialah ***Risalah Juru Bicara Umat***, Sempena 10 tahun ABIM (1971-1981) (Kuala Lumpur: ABIM, 1981); ***Kebangkitan Umat: Kenyataan dan Harapan***, (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 1977; idem, ***Sayid Quṭb: Di Bawah Naungan al-Qur`ān***, (Kuala Lumpur: ABIM, 1980); idem, ***Koleksi Ucapan Dasar : Mengangkat Martabat Umat***, (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1989); idem, ***Minda Melayu Baru***, (Kuala Lumpur: IKD, 1992).

[47] Lihat, nota kaki; 107 dlm. ***Pendahuluan*** hlm.43.

[48] Lihat, Siddiq Fadil, "Gerakan Islam Di Dunia Melayu-Tuntutan Zaman dan Cabaran Lingkungan" ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke 15,*** pada 6 Disember 1986, Dewan Malik Faisal, Petaling Jaya, hlm. 151.

[49] Lihat, Mohamad Kamil Ab. Majid, ***Tajdid: Perspektif Sejarah dan Masa Kini***, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000), hlm. 112.

Manhaj Maliziy

Dalam bahasa Melayu, Manhaj Maliziyy bermaksud cara atau pendekatan kemalaysiaan, yakni penyelesaian masalah masyarakat Malaysia berdasarkan kepada pendekatan Islam yang tidak mengetepikan realiti setempat atau dengan kata lain penyelesaian Islam menurut perspektif atau kaca mata kemalaysiaan. Manhaj Maliziy menurut perspektif ABIM adalah mempertahankan model gerakan Islam yang mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri yang beroperasi dalam lingkungannya yang serba unik tanpa menjadi 'salinan karbon' kepada mana-mana gerakan Islam di dunia sebagaimana ditegaskan oleh pengasas manhaj ini, Presiden ABIM:

> "Gerakan Islam di Malaysia harus memperhitungkan ciri-ciri khusus kemalaysiaan dan harus mampu membina al-fikr al-harakiyynya sendiri yang merupakan hasil interaksinya dengan realiti dan permasalahan khusus daerah operasinya."[49]

Oleh itu, gerakan Islam di Malaysia sewajarnya membuat penganalisisan secara objektif dan mendalam tentang fakta setempat dan seterusnya memperbanyakkan karya-karya pemikiran gerakan Islam semasa yang berlatar belakangkan realiti kemalaysiaan. Dari sudut keutamaan kegiatan, teras kegiatan bagi strategi Manhaj Maliziy pada umumnya meliputi tiga perkara yang menjadi masalah utama gerakan Islam masa kini iaitu kepimpinan antarabangsa, model pembangunan sosial dan penggerak politik pemersatu.[50]

Terdapat tiga faktor yang mendorong tercetusnya manhaj tersebut. Pertama, ialah kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO yang menyebabkan ABIM menukar

---

[49] Siddiq Fadil, "Gerakan Islam:Prinsip dan Cabaran", Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Ke Arah Pemurnian Pemikiran Islam di Malaysia, AIUM, Kuala Lumpur, pada 9 & 10 Januari, 1987, hlm. 20.

[50] Lihat, Md Sidin Ahmad Ishak (Penyelenggara), ***Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1996)***, hlm. 79.

pendekatannya daripada pendekatan radikal kepada pendekatan sederhana. Keduanya ialah kecenderungan aktivis gerakan Islam Malaysia ketika itu melihat Malaysia dengan kaca mata Mesir, Pakistan dan Iran. Ketiganya ialah kebanyakan bahan-bahan yang datang dari Timur Tengah bernada konfrontasi dengan pemerintah hingga menimbulkan satu kecenderungan iaitu gerakan Islam mesti bersifat penentangan terhadap pemerintah dan satu cara menegakkan Islam ialah melalui revolusi.[51] Manhaj Maliziy menimbulkan kesan positif terhadap para aktivis ABIM dan para pemikir dakwah yang sealiran dengannya iaitu berkeyakinan bahawa masalah Malaysia harus diselesaikan menerusi pendekatan kemalaysiaan.[52]

Namun demikian, pendekatan tersebut mendapat tentangan hebat daripada aktivis parti politik Islam (PAS). Malah, para aktivis PAS menganggap pendekatan ABIM itu bercanggah dengan pendekatan gerakan Islam sebelum ini. Pendekatan demikian melambatkan serta menghalang tercapainya misi mendaulatkan negara Islam di

---

[51] Kesan penghayatan prinsip *wasatiyyatul-Islām* inilah yang telah melahirkan ahli-ahli ABIM yang tidak cepat melatah, emosional, cepat menghukum, taasub dan melakukan gejala-gejala yang bersifat ekstrem dan melulu. Watak ahli-ahli yang memahami akan prinsip ini sentiasa berorientasikan al-Qur'an'ān dan as-Sunnah dan realistik dalam tindakan mereka mengenai hal-hal setempat dan kontemporari. Lihat, Pena Hikmah, "ABIM tetap ABIM" dalam ***Berita ABIM***, bil. Mei 1993, hlm. 5; malah kesannya telah mencetuskan beberapa usaha pembaharuan dalam agensi kerajaan dan pengajian di institut pengajian tinggi seperti lahirnya gagasan fikah Malaysia. Lihat, Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti", dlm. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, ***Dinamisme Pengajian Syariah*** (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd., 1997), hlm. 93-106; lihat juga, idem, "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah", dlm. Paizah Hj Ismail dan Ridzuan Ahmad (ed.), ***Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*** (Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya, 2000), hlm. 39-40.

[52] Kesan penghayatan prinsip *wasatiyyatul-Islām* inilah yang telah melahirkan ahli-ahli ABIM yang tidak cepat melatah, emosional, cepat menghukum, taasub dan melakukan gejala-gejala yang bersifat ekstrem dan melulu. Watak ahli-ahli yang memahami akan prinsip ini sentiasa berorientasikan al-Qur'an'ān dan as-Sunnah dan realistik dalam tindakan mereka mengenai hal-hal setempat dan kontemporari. Lihat, Pena Hikmah, "ABIM tetap ABIM" dalam ***Berita ABIM***, bil. Mei 1993, hlm. 5; malah kesannya telah mencetuskan beberapa usaha pembaharuan dalam agensi kerajaan dan pengajian di institut pengajian tinggi seperti lahirnya gagasan fikah Malaysia. Lihat, Rahimin Affandi Abdul Rahim, "Gerakan Tajdid di Malaysia: Teori dan Realiti", dlm. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, ***Dinamisme Pengajian Syariah*** (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd., 1997), hlm. 93-106; lihat juga, idem, "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah", dlm. Paizah Hj Ismail dan Ridzuan Ahmad (ed.), ***Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*** (Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya, 2000), hlm. 39-40.

Malaysia. Oleh itu, ABIM telah dituduh sebagai gerakan Islam non-partisan yang bersekongkol dengan pemerintah dan dianggap tidak memenuhi lagi ciri gerakan Islam yang sebenar kerana sudah tidak lagi ditentang oleh pemerintah 'sekular' sejak kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO dan sanggup pula bekerjasama menjayakan program 'islamisasi kosmetik' pemerintah.[53]

Moderat berhadapan dengan radikalisme

Pada umumnya radikalisme timbul di kalangan pemuda, terutamanya apabila berlaku tekanan daripada pemerintah sekular. Sebenarnya, ia boleh dikawal dengan panduan dan bimbingan ilmu, akhlak dan syariat. Radikalisme yang ekstrem memang sukar dikawal kerana telah menyimpang daripada Islam. Dalam menghadapi arus kebangkitan radikalisme dalam gerakan Islam di Malaysia, ABIM mengawal dengan tegas gerakan tersebut daripada terpengaruh dengannya sebagaimana yang ditegaskan oleh Presidennya:

> "Ekstremisme adalah gejala merata dan bukan fenomena tempatan. Ia merupakan penyimpangan daripada Islam. Sekiranya ABIM turut berbuat demikian, ini adalah pengkhianatan terhadap risalah Islam."[54]

Sebagai badan dakwah dan tarbiah, ABIM memperkenalkan semula beberapa teori dan amalan pendekatan dakwah secara sederhana. ABIM mula berani menilai

---

[53] Golongan yang tidak dapat menerima tindakan Anwar Ibrahim itu sebahagiannya terdiri dari mereka yang mendapat orientasi Asia Barat. Mereka begitu "obsessed" dengan pengalaman penindasan dan kekejaman rejim Dunia Arab ke atas gerakan Islam. Keadaan ini membentuk sikap tidak percaya kepada semua pemerintah. Menurut Yusuf Rawa bahawa golongan yang tidak menggugat jahiliah walaupun bernama Islam tidak memenuhi sifat Islam yang sebenar. Hanya golongan Islam tulen sahaja yang mengalami ujian seperti dipenjarakan dan dikenakan berbagai-bagai tindakan zalim oleh pihak pemerintah. Lihat, Sidek Fadzil, Pemikiran Barat Moden-Sikap Para Cendekiawan Muslim Dengan Tumpuan Di Alam Melayu, Tesis PhD, UKM, Bangi, 1989, hlm. 625.

[54] Temu ramah khas dengan Dr Siddiq Fadil dalam ***Berita ABIM***, No. 20 (tahun ketiga), Bil. 6/1992, hlm. 10-11.

semula pendekatan gerakan Islam yang diambil sebelum ini dengan menyambut saranan Dr. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī dalam Simposium Kebangsaan Islam di Algeria agar pengalaman pahit yang dialami gerakan Islam masa lalu dapat mendorong ke arah peninjauan semula terhadap strategi dan pendekatan yang telah diambil selama ini.[55]

Sebagai langkah awalan, fokus utama ABIM ialah memulihkan dan mengembalikan keyakinan ahli-ahlinya terhadap gerakan Islam dan pimpinannya dengan menentukan garis-garis besar haluan perjuangan dan menjelaskan matlamat perjuangan sebenar dan strategi yang berkesan untuk mencapainya. Dalam usaha mencapai matlamat gerakan, Siddiq Fadil mengemukakan pandangan Ḥasan Al-Bannā yang menegaskan bahawa matlamat gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn terumus pada pembinaan generasi baru mukmin dengan ajaran Islam yang tulen, generasi yang berusaha membentuk ummah dengan acuan Islam yang sempurna dalam segala aspek kehidupannya. Generasi baru yang diungkap oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī sebagai *"al-jīlu-'r-rabbāniyyu'l-multazim"* dan untuk menghadapi krisis kepercayaan ahli-ahli kepada kepimpinan ABIM, beliau memperkenalkan dua strategi utama gerakan Islam dalam usaha memantapkan kualiti kepimpinan gerakan Islam iaitu pertama ialah skema keilmuan dan pendidikan yang sempurna dan keduanya ialah disiplin dan organisasi yang baik.[56]

Dalam bidang politik, ABIM tetap menghayati konsep non-partisan dan *independent political force* yang mana ABIM terlibat secara langsung dalam proses politik kenegaraan tanpa perlu menjadi parti politik. Oleh itu, ABIM bebas memberi sokongan atau kecaman dalam mana-mana parti politik besar Melayu demi kepentingan

---

[55] Lihat, ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-14***, UKM, pada 6-8 Dis. 1985, hlm. 10.

[56] Lihat, ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-11***, Petaling Jaya: Dewan al-Malik Faisal, 3-5 September 1982, hlm. 15-18.

Islam. *Manhaj Siyāsī Maliziy* ABIM menekankan perpaduan ummah dan dominasi umat dalam politik negara. Selain itu, ABIM memperkenalkan konsep kerjasama dengan pemerintah dalam konteks dakwah iaitu konsep " a partnership in nation building."[57]

Dalam menghadapi fenomena ekstremisme dalam berdakwah, terutamanya pendekatan dikotomi (Islam-Jahiliah), ABIM menjelaskan identiti diri atau jati dirinya sebagai badan dakwah dan tarbiah dengan mengungkap ungkapan yang sama sebagaimana Ḥasan Ḥuḍaibī (mantan Mursyid Al-'ām al-Ikhwān al-Muslimūn) tegaskan ketika menghadapi arus yang sama di Mesir iaitu kami pendakwah bukan hakim "*naḥnu du'āt lā quḍāt.*"[58] Oleh itu, ABIM dalam pendekatannya menolak cara gaya sesetengah pendukung Islam yang ghairah menjadi hakim. Pendekatan menghukum menyebabkan bertambah meluasnya jurang perbezaan pemikiran sesama Jemaah Islam dan perpecahan masyarakat Islam juga akan bertambah meluas.

Seterusnya, perpecahan yang berlaku diakibatkan oleh *ta'addudu 'l-madārisi'l-fikriyyah*- kepelbagaian aliran pemikiran- menimbulkan pertentangan yang tajam sesama jemaah Islam sehingga menenggelamkan hakikat persamaan risalah dan matlamat. Menurut Siddiq Fadil, keadaan ini berpunca dari sikap taasub kepada pemikiran jemaah sendiri sehingga tidak ada kesediaan untuk menghormati pandangan orang lain yang berada di luar jemaahnya serta gagal pula membezakan antara persoalan hak dan batil dengan persoalan betul dan salah. Seterusnya, beliau menyatakan;

---

[57] Lihat, Ahmad Azam Abdul Rahman, "Memugar Idealisme Perjuangan" dlm. ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-27***, di PLA ABIM, Kajang, hlm. 11.

[58] Siddiq Fadil, "Dakwah dan Tarbiyah-Uslub Yang Mantap", dlm. ***Risalah***, Nov. 1987, hlm. 13. Lihat juga, Muhd. Nur Manuty, "Pendekatan Dakwah ABIM; Satu Pendekatan Semula", ***Risalah***, Jan. 1987, hlm. 14.

> "...penyakit mengkagumi pendapat sendiri ini sedang melanda sebahagian dari para pendukung Islam sehingga mereka tidak lagi dapat mewarisi sikap dan adab para imam fuqaha' yang berselisih pendapat dalam persoalan-persoalan yang demikian banyak namun mereka tidak pernah mendabik dada sebagai pemonopoli kebenaran, sebaliknya mereka berpendirian: Pendapatku betul tetapi masih berkemungkinan salah. Pendapat orang lain salah tetapi mungkin juga betul."[59]

Oleh itu, sebagai langkah penyelesaiannya ABIM mencari jalan keluar mengatasi kebuntuan tersebut dengan memperkenalkan *adāb al-ikhtilāf* yang diperkenalkan oleh Jamāluddīn al-Afghānī yang terumus dalam ungkapannya bekerjasama dalam perkara yang disepakati dan bertoleransi dalam perkara yang diperselisihkan.[60] Untuk menangani cabaran dalaman, kebangkitan Islam yang masih tertumpu kepada persoalan *'umūmiyyat* dan ucapan yang retorik, Siddiq Fadil menggesa gerak kerja lebih realistik dengan mengkhususkan perkara-perkara *'umūmiyyat* (bersifat umum) dan menurutnya lagi sudah sampai masanya gerakan Islam mengubah orientasi bekerja dari aksi tepuk meja kepada penyelesaian masalah *"from table banging to problem solving"*, *"mina'l-muwājahah ilā l-ḥiwār*, dari politik konfrontasi kepada diplomasi dialog.[61]

Dari sudut kerjasama antara pelbagai Jemaah, PAS berpendirian sama dengan ABIM. Pada tahun 1987, Yusuf Rawa memperkenalkan *fikrah 'amal* dan PAS sanggup bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan Islam lain yang tidak mendukung dan tidak

---

[59] Lihat, Siddiq Fadil, "Menggembleng tenaga Ke Arah Peningkatan Prestasi 'Amal Islami", ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-14***, 6-8 Dis. 1985, hlm.12.

[60] ***Ibid.***, hlm. 13. Di samping itu, ABIM menerbitkan terjemahan buku-buku yang boleh membantu menyelesaikan persoalan tersebut seperti Ṭahā Jābir, ***Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam***, (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam, 1989).

[61] Lihat, Siddiq Fadil, "Menyahut Cabaran Abad Kebangunan", ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-12***, 30 Julai 1983 di Kolej Islam Klang; juga, idem, "Gerakan Islam Dekad 90-an: Visi dan strategi", dlm. ***Ucapan Dasar Muktamar ABIM Sanawi ke-20***, 16-19 Ogos, 1991, hlm. 4.

membawa ajaran yang meragukan. Menurut beliau, pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah merupakan seperti anggota yang berlainan bagi jasad yang satu. Walaupun kelainan itu diakui tetapi kita (PAS) sentiasa membuka tangan kerjasama dalam hubungan antara sesama kita.[62] Namun demikian, tidak ada usaha yang serius bagi menjalinkan hubungan ukhuwah Islāmiah *ḥarakiyyah* antara sesama gerakan Islam ketika itu. Maka slogan kerjasama itu tidak menjadi kenyataan, malah pertembungan pendekatan terus berlaku antara Jemaah. Sikap dingin pimpinan ABIM ketika itu dikatakan berpunca dari tuduhan agak keterlaluan terhadap pimpinan ABIM sebagai Anwarisme atau "Anwariyyūn" dan dituduh pula bersekongkol dengan pemerintah yang *ṭāghūt*.

Sungguhpun ABIM mengambil pendekatan sederhana dan mampu mengawal pengaruh radikal merebak dalam organisasinya dan organisasi di bawah kawalannya, namun demikian fenomena takfīr yang merupakan gejala radikal berlaku semula dalam gerakan politik Islam, terutamanya PAS pada tahun 1980-an. Kebangkitan tokoh terkenal Haji Hadi Awang sebagai ahli politik dan "Tuan Guru" menjadi sumber inspirasi kebangkitan gerakan Islam dan pemimpin kerohanian dalam parti PAS menentang UMNO. Beliau seorang yang mempunyai kemahiran pidato dan berpengetahuan luas dalam agama dan isu-isu semasa dianggap sebagai pelopor kepada pemikiran radikal yang menjadi landasan pemikiran gerakan pemuda dalam PAS, terutamanya dalam isu-

---

[62] Lihat, Yusuf Rawa, "Ke Arah Tajdid Hadhari", dlm. ***Membina Ketahanan Ummah***, hlm. 180.

isu yang berkaitan dengan negara Islam, hudud, masyarakat Islam, jahiliah, sekular, Jemaah, penerapan nilai-nilai Islam dan sebagainya.[63]

Radikalisme dalam PAS berlaku adalah disebabkan faktor luaran dan dalaman. Dari sudut luaran, PAS menghadapi pelbagai *mihnah* dan fitnah daripada parti pemerintah seperti tuduhan ekstrem, fanatik, taasub, revolusioner dan ramai aktivisnya ditahan di bawah ISA umpamanya operasi Lalang 1987 dan operasi Kenari 1988 kerana dituduh mengancam keselamatan negara. Namun demikian radikalisme, tekanan dan penindasan yang diterima itu sebahagiannya mungkin berpunca daripada faktor dalaman,

---

[63] Haji Abdul Hadi Awang dilahirkan pada 6 Zulhijah 1366 bersamaan 20 Oktober 1947 di Rusila, sebuah perkampungan nelayan yang terletak kira-kira 7 batu dari bandar Kuala Terengganu. Beliau mendapat didikan Islam dan pengetahuan bahasa Arab daripada ayahandanya Tuan Guru Haji Awang. Seterusnya, beliau melanjutkan pengajian di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Sultan Zainal Abidin (1965-1968). Pada tahun 1969, beliau meneruskan pengajian ke Universiti Islam Madinah. Pada tahun 1974-1976 beliau menyambung pengajian ke Universiti al-Azhar di Mesir dan memperoleh ijazah kesarjanaannya dalam jurusan Siasah Syar'iyyah. Beliau mendapat kesempatan mengikuti kuliah-kuliah daripada tokoh-tokoh gerakan Islam seperti ustaz Said Hawwa dan Sayid Muhammad al-Wakil semasa di Madinah. Ketika di Mesir beliau menumpukan kepada pengajian dan beliau tidak pernah melibatkan diri secara aktif dengan Jawatan Kuasa Pelajar peringkat PMRAM Namun demikian beliau pernah menjadi YDP Badan Kebajikan Anak Negeri Terengganu pada tahun 1976. Pada tahun 1986, seorang pelajar Abdul Hadi Awang ditangkap oleh pihak keselamatan Mesir kerana mereka tersalah maklumat menganggap bahawa itulah Abdul Hadi Awang yang dimaksudkan. Sejak itu, Abdul Hadi Awang tidak lagi ke Mesir. Apabila pulang dari belajar pada tahun 1977, beliau melibatkan diri dalam ABIM sebagai YDP ABIM Terengganu dan bertugas sebagai Pegawai Yayasan Islam Terengganu dari tahun 1977-1978. Beliau melibatkan diri dengan PAS sejak 1964 sewaktu masih menuntut lagi dan pada tahun 1981 beliau dipilih sebagai Naib Yang Di Pertua Agung PAS Pusat dan dilantik menjadi Timbalan Presiden PAS apabila Fadzil Noor dilantik menjadi Presiden pada tahun 1989. Pada tahun 1990, beliau menjadi ahli Majma' Taqrir Mazhab Islami yang berpusat di Tehran, Iran. Beliau menjadi wakil rakyat sejak tahun 1982 apabila menang di DUN Marang tetapi kalah di Parlimen Dungun. Pada tahun 1986, beliau menang di DUN Rhu Rendang tetapi kalah di Parlimen Marang. Sejak tahun 1990 lagi beliau berjaya mempertahankan kerusinya di DUN Rhu Rendang dan Parlimen Marang. Pada tahun 1994, beliau dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Penyelaras Gerakan Islam yang berpusat di Istanbul, Turki. Beliau juga menjadi Ahli Jawatankuasa Penyelaras gabungan parti-parti politik yang menangani isu Palestin berpusat di Amman, Jordan. Beliau merupakan seorang ulama yang terkenal dengan kuliah dan khutbahnya pada setiap hari Jumaat di Masjid Rusila dan menjadi pakar rujuk masyarakat Islam dalam hal keagamaan dan politik. Lihat, Haji Abdul Hadi Awang (pidato), ***Kebangkitan Ummat Islam***, (Kuala Lumpur: Media Islam, 1402). Juga, "Man Who Draws The Crowds to His Sermon", ***New Strait Times***, 9 Februari, 1982; "The Haji Hadi Factor" dlm. Alias Mohamed, ***PAS' Platform***, hlm.165-196; ***Harakah***, Isnin 19 Julai 1999; juga, majalah ***al-Kasyaf***, hlm. 100; lihat, "biografi Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang" dlm. ***http: // www .trg. lib. edu. my/ jaring/ biografi_hjhadi_awang.html.***

yakni kelemahan teori harakah dan revolusi Islam yang dicipta dan dilaksanakan oleh para aktivis dan pemikir parti Islam itu sendiri.[64]

Pemikiran dan sikap yang radikal mengundang gejala radikal dan ekstrem. Sebagai buktinya, pimpinan PAS pusat tidak mengemukakan sikap dan pendirian parti yang jelas tentang isu takfīr.[65] Malah sesetengah pendirian pusat seolah-olah mengizinkan pendekatan takfir yang berlaku di kalangan pimpinan bawahan, terutamanya dari kalangan pemudanya. Pimpinan PAS Pusat terpaksa akur dengan pendekatan menghukum yang diambil oleh sesetengah pimpinan seperti fatwa mengkafirkan orang UMNO[66] dan fatwa mati syahid orang yang mati berlawan dengan UMNO.[67]

---

[64] Sebenarnya tidak semua teori harakah parti Islam itu gagal. Terdapat aspek yang berjaya seperti penghayatan pemikiran Islam sebagai niẓām al-ḥayāh dalam politik, pendidikan dan koperasi. Menurut Nakhaie, kelemahan yang nyata ialah kegagalan parti Islam itu menyesuaikan diri dan strategi dengan realiti semasa yang dihadapi ummah akibat kelemahan ilmu pengetahuan dan kegagalan menyediakan sajian syariat yang dapat mempengaruhi perubahan. Lihat, Nakhaie Ahmad, 'Kegagalan parti Islam menangani arus kebangkitan' ***Berita Harian***, 23 Jan. 1996.

[65] Sebenarnya, isu takfīr tidak pernah dibahaskan di peringkat pusat dan bahagian mahupun oleh Dewan Ulama PAS untuk mengambil ketetapan dalam isu berkenaan. Lihat, Asri, ***Memoir Asri***, hlm. 112. Menurut keterangan Asri, gejala takfir berpunca daripada golongan muda yang tidak puas dengan pendekatan golongan tua yang mengambil pendekatan sederhana. Ini berbeza dengan ABIM yang menyentuh secara langsung persoalan takfīr dalam ucapan Dasar Muktamar Sanawi ke-13 oleh Siddiq Fadil, "Da 'I-Pembina Aqidah Pembangun Ummah" ***Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-13*** pada 7 Disember 1984, UKM, Bangi. Kemudian ABIM menerbitkan buku Yūsuf al-Qaraḍāwī, ***Kebangunan Islam Di antara Tantangan dan Ekstrimisme*** (terjemahan oleh Muhammad Rivai Batubara), (Kuala Lumpur: ABIM, 1984) yang dijadikan bahan teks kajian dalam usrah ABIM seluruh negara.

[66] Lihat, ***Bab 3***, nota kaki; 11; Haji Abdul Hadi Awang dituduh pernah membuat dakwaan bahawa orang UMNO boleh dianggap kafir berpandukan kepada 3 faktor penting; 1-Ahli-ahli UMNO telah menyokong perlembagaan yang bukan merupakan perlembagaan Islam. 2- Pemerintahan yang terdiri dari orang-orang UMNO telah meletakkan perlembagaan negara lebih daripada al-Qur'ān. 3- Kezaliman yang ditunjukkan oleh pemerintah terhadap orang-orang Islam, khususnya PAS jelas menunjukkan mereka tidak Islam. Lihat, ***Utusan Malaysia*** 17/6/1986/20 hlm. 2. Sebaliknya dalam kenyataan yang lain, Hj Abdul Hadi Awang menegaskan bahawa PAS tidak pernah mengkafirkan orang UMNO sebaliknya UMNOlah yang menimbulkan isu ini dengan menganggap bahawa PAS menuduh orang UMNO sebagai kafir. Namun demikian, Hj Abdul Hadi Awang tidak menafikan wujud segelintir ahli PAS yang bertindak keterlaluan menghukum orang lain kafir tetapi kalangan yang berbuat demikian kini telah menyertai UMNO.Lihat, Zubairi Mohd Fadzil, PAS, Persediaan dan Cabaran Menegakkan Negara Islam di Malaysia, Latihan Ilmiah, Sarjana Muda AIUM, 1996, hlm. 121; Lihat, Haji Abdul Hadi Awang, ***Amanat Haji Hadi: Penjelasan dan Huraian*** (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat, 2002), hlm. 38.

[67] Di antara kenyataan Haji Abdul Hadi yang dikatakan mempunyai unsur takfir ialah, "...Percayalah saudara-saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana

Sikap *isti'jāl* (terburu-buru) sesetengah pimpinan PAS dalam mengungkap slogan pembentukan negara Islam sebagai matlamat gerakan untuk berkuasa merenggangkan hubungan PAS dengan masyarakat bukan Islam sedangkan matlamat asalnya adalah untuk mendekatkan masyarakat bukan Islam kepada Islam yang sebenar.[68]

---

kita berjuang dengan puak-puak ini, kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Kristian, kita tidak payah masuk Budha, tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku agama suku. kalau kita mati melawan puak-puak ini (UMNO) mati kita adalah mati syahid, mati kita adalah mati Islam. Adakah kita takut untuk mati syahid?" Kenyataan tersebut adalah petikan sebahagian daripada ucapan beliau selama lebih sejam yang kemudiannya dijadikan dalam bentuk poster untuk jualan dan edaran. Lihat, ***Amanat Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang*** diterbitkan sebagai poster oleh Dewan Pemuda PAS Pusat pada tahun 1981. Selepas 12 hari Naib Yang Dipertua PAS, Abdul Hadi Awang menyampai ceramahnya tersebut, maka pada 19 April 1981 Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mengeluarkan fatwa melarang keras takfir sesama Islam kerana mendatangkan bahaya terhadap akidah Islamiah dan perpaduan umat Islam. Majlis berkenaan telah membahaskan lapan isu utama pandangan atau fatwa yang boleh mendorongkan takfir; I- Tidak sah sembahyang di belakang imam orang Barisan Nasional; ii- Haram dimakan daging sembelihan orang Barisan kerana tidak sah sembahyangnya; iii- Terfasakh nikah di antara suami isteri orang Barisan dan orang bukan Barisan; iv- Tidak sah akad nikah oleh imam dari golongan Barisan; v- Kena diperbaharui nikah yang di akad oleh imam dari Barisan; vi- Tidak boleh ditanam mayat orang Barisan di perkuburan Islam; vii- Orang Barisan mati tidak boleh disembahyangkan ke atasnya kerana murtad dan mereka juga tidak boleh sembahyangkan ke atas mayat orang PAS; viii- Orang Barisan tidak payah sembahyang, puasa, naik haji kerana tidak diterima oleh Tuhan amalan itu daripada mereka. Lihat, Teks asal dalam bentuk jawi, ***Pekeliling Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*** bertarikh 19 April 1981. Sebenarnya, isu takfir pada masa itu telah menjadi satu gejala yang boleh mengancam akidah dan perpaduan masyarakat. Seterusnya, isu ini dibangkit semula oleh pemerintah pada pilihan raya 1999 sehinggalah tahun 2001 iaitu setelah ia berlalu dua dekad yang lalu dan setelah pengaruh PAS meningkat di kalangan masyarakat Melayu sedangkan gejala takfir pada pilihan raya 1999 tidak menjadi satu trend atau fenomena dalam perlawanan antara UMNO dan PAS. Lihat, misalnya ***Berita Harian*** menerbitkan semula fatwa Majlis Agama Islam Kelantan pada tahun 1981 yang bertajuk, "Majlis agama Kelantan pernah keluar fatwa isu mengkafirkan dan Terjemahan teks asal pekeliling Maik". Lihat, ***Berita Harian*** 19 April 2001.

[68] PAS ketika di bawah pimpinan Yusuf Rawa mula membuat perubahan dengan mendekati masyarakat bukan Islam, terutamanya masyarakat Cina. Misalnya, Muktamar Pemuda PAS ke-25 di Alor Setar pada 13/4/1984 mengusulkan agar PAS menerbitkan kaset-kaset bersiri menerangkan Islam dalam pelbagai bahasa, terutamanya bahasa Cina, Inggeris dan Tamil. Satu simposium yang bertemakan Islam dan persoalan perpaduan negara di Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada 10 Februari 1985. PAS juga menubuhkan satu badan perundingan iaitu Chinese Consultative Council (CCC) dan mengadakan hubungan persefahaman dengan Nasma, PSRM dan SDP pada 14/7/1986 yang bertujuan menjatuhkan BN atau sekurang-kurangnya mengurangkan majoriti 2/3, tetapi DAP tidak turut serta kerana tidak setuju dengan isu pembentukan negara Islam yang dicadangkan oleh PAS. Di antara faktor utama kekalahan PAS dalam pilihan raya 1986 (semua pimpinan utama PAS kalah di kawasan Parlimen sedangkan DAP menang 24 kerusi) adalah isu negara Islam. Sebaliknya, PAS tetap bertegas tidak akan sama sekali bekerjasama dengan DAP yang masih kekal sebagai parti sekular dan menentang aspirasi pembentukan negara Islam oleh PAS. Namun demikian, perjanjian persefahaman dengan Semangat 46 dalam APU (DAP tidak turut serta atas isu negara Islam) menolak penggunaan istilah "negara Islam" menggantikan dengan memperjuangkan Islam sebagai satu cara hidup yang berdasarkan kepada kebenaran, keadilan, bebas dan nilai-nilai baik. Lihat, ***New Strait Times***, 12 April 1990 (Kenyataan Mustafa Ali); 15 Feb. 1990; 13 Mei 1990 (Kenyataan Ustaz Hadi) *dan* ***New Strait Times*** 13 Oct. 1990 (kenyataan Tengku Razaleigh). Lihat juga, Nawi Abdullah, Penubuhan dan Perkembangan di dalam Pemikiran Politik Islam PAS: Satu Analisa,

Dalam manifesto pilihan raya tahun 1990, PAS menegaskan akan menubuhkan negara Islam yang akan melaksanakan hukum hudud. Konsep negara Islam yang diperkenalkan oleh PAS telah berjaya dimomokkan sehingga menimbulkan prasangka yang begitu mendalam di kalangan masyarakat bukan Islam, terutamanya masyarakat Cina.[69]

Dalam hubungan ini, ABIM mencontohi pengalaman al-Ikhwān al-Muslimūn yang lebih berhati-hati menggunakan istilah negara Islam dan perlaksanaan hukum hudud sebagai slogan perjuangan untuk mengelak daripada pertembungan secara radikal dengan sekularis dan dilabelkan sebagai ekstrem. Walaupun demikian, ABIM berpendirian menyokong usaha melaksanakan hukum hudud dengan syarat ada rasa penuh tanggungjawab tanpa sebarang motif dan keuntungan politik. Di samping itu, perlu ada persediaan penting ke arah itu seperti memahamkan masyarakat dengan syariah, persediaan pasukan ahli undang-undang, pemahaman rakyat Malaysia -Islam dan bukan Islam- tentang hudud, keadilan sosial diutamakan sebelum perlaksanaan hukum dan perlaksanaan hukum dijalankan secara berhati-hati.[70] Oleh itu, mengutamakan pengisian (keislaman) lebih baik daripada mengutamakan slogan (negara Islam) misalnya umat Islam di Malaysia berhak melaksanakan pengisian keislaman atas dakwaan bahawa negara ini negara Islam.

Sikap permusuhan parti antara PAS dan UMNO menimbulkan kekeliruan masyarakat awam tentang Islam yang sebenar dan meningkatkan pertentangan antara

---

Latian Ilmiah Sarjana Muda AIUM, 1989/1990, hlm. 85,87; ***Berita Harian***, 17 julai 1986; ***Mingguan Malaysia***, 20 Julai 1986.

[69] Lihat, Dr Syed Azman Syed Ahmad, "Mampukah Pembangkang Jadi Parti Alternatif" dlm. ***Majalah Tamadun***, April, 1999, hlm. 60.

[70] Lihat, kenyataan rasmi ABIM mengenai Perlaksanaan Hukum Hudud pada 5 Mei 1992, dlm. ***ABIM Dengan Isu-Isu Semasa*** (1990-1992), (Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd., 1992), hlm. 1-2.

penyokong kedua-dua parti berkenaan. Kebaikan yang datang dari pihak lawan ditafsirkan mempunyai motif politik semata-mata. Misalnya, UMNO menuduh hudud yang diperkenalkan oleh PAS sebagai 'hudud PAS' dan konsep negara Islam sebagai ekstrem. Sementara itu, Penerapan nilai-nilai Islam dikritik oleh Haji Hadi Awang sebagai usaha untuk mengelirukan kebangkitan Islam kini. Menurut beliau lagi, sejarah di Mesir pernah membuktikan, cara Anwar Sadat menghancurkan gerakan Islam dan menimbulkan pelbagai fitnah terhadap gerakan Islam.[71] PAS mendakwa institusi-institusi Islam itu bukan merupakan inovasi pemerintah tetapi kewujudannya adalah hasil daripada desakan masyarakat Islam itu sendiri dan juga "political expediency" pemerintah.[72]

Konsep penerapan nilai-nilai Islam tidak memenuhi kehendak sebenar kesyumulan ajaran Islam yang tidak cukup hanya dengan tempelan. Oleh kerana itu, ABIM menyarankan konsep islamisasi atau pengislaman yang sifatnya lebih menyeluruh daripada penerapan hanya nilai-nilai Islam.[73] Oleh kerana saranan ABIM itu tidak diterima, maka ABIM mengambil sikap berperanan sebagai '*corrective and constructive participation*' dalam mendukung dan mengisi program penerapan nilai-nilai Islam

---

[71] Lihat, ***Panji Masyarakat***, Jan/Feb. 1983, hlm. 9; menurut YB Mohamad Sabu bahawa penerapan nilai-nilai Islam dijadikan senjata UMNO menahan kebangkitan Islam. Lihat, ***Harakah*** 14 September 1998 (edisi internet).

[72] Lihat, Fadhil Noor, "Masyarakat Madani Abad 21" dlm. Kertas Kerja Konvensyen Gerakan Islam Agenda 2000, anjuran Persatuan Ulama Malaysia pada 6 & 7 Rejab bersamaan 16 & 17 Oktober 1999 di AIUM, Kuala Lumpur.

[73] Persoalan Islamisasi dalam pelbagai bidang banyak disentuh oleh Siddiq Fadil dalam beberapa ucapan dasar Muktamar Sanawi ABIM misalnya Muktamar Sanawi ke-13 dan ke-14. Lihat, "Da 'i-Pembina Akidah dan Pembangun Ummah" , UKM, 7-12 Dis. 1984, hlm. 18-25; "Mengembeling Tenaga Ke Arah Peningkatan Prestasi 'Amal Islami", UKM, 6-8 Disember 1985, hlm. 17-20.

pemerintah itu.[74] Sementara itu, menurut perspektif pemerintah dasar penerapan nilai-nilai Islam lebih mudah diterima (atau moderat) oleh orang-orang bukan Islam daripada konsep islamisasi.[75]

Sebagai sebuah gerakan Islam, PAS mendakwa memiliki ciri-ciri Jemaah Islam yang sebenar dan membawa faham *luzūm al-jamā'ah* (kewajipan berjemaah) menurut tafsiran 'Jemaah' yang agak rigid dengan mendakwa bahawa ia memiliki ciri-ciri Jemaah yang tulen dan menolak sama sekali konsep *ta'addud 'l-jamā'ah*-berbilang Jemaah.[76] Bagi menghadapi pengaruh aliran gerakan radikal, terutamanya daripada IRC yang menyerap masuk ke dalam PAS mewujudkan "jamā'ah dalam jamā'ah."[77] Pimpinan PAS

---

[74] Rasional tindakan tersebut berdasarkan kepada kaedah fikah, "kalau tidak boleh buat semua, jangan tinggal semua" dan sesuai pula dengan konsep dakwah iaitu *ta'āwūn 'ala al-bir* (kerjasama dalam perkara-perkara kebaikan). Lihat, "Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan" dlm. Siddiq Fadil, ***Koleksi Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM,*** (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam , 1989), hlm. 25.

[75] Tujuan utama dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ialah meningkatkan daya pengeluaran negara menerusi sikap rajin bekerja serta pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah. Nilai-nilai yang dimaksudkan itu ialah amanah, bertanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, berdisiplin, kerjasama, berbudi mulia dan bersyukur. Nilai-nilai ini bersifat universal dan disanjung tinggi oleh semua agama. Ringkasnya, hasrat kerajaan adalah untuk membentuk budaya kerja dalam masyarakat yang setimpal dengan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan kebudayaan kaum lain. Dasar ini tidak bermaksud mengislamkan rakyat bukan Islam. Kebebasan beragama dilindungi oleh ***Perlembagaan Persekutuan*** (Perkara 11 dan 12). Lihat, Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN), ***Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*** (Petaling Jaya: INTAN Publication, 1991), hlm. VI; Sebaliknya, beberapa tokoh bukan Islam seperti Dr. Paul Tan (Kristian Katolik), Dr. Batumalai (Anglican) menentang keras dasar tersebut dan mereka berpendapat dasar penerapan Nilai-Nilai Islam membawa maksud pengislaman yang menyeluruh. Lihat, Norhashimah Mohd. Yasin, ***Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969-1993*** (Kuala Lumpur: A. S Noordeen, 1996), hlm. 245-246.

[76] Lihat, Ustaz Harun Taib, Ciri-ciri Jemaah Islamiyyah Yang Diwajibkan Kita Bersama-sama Dengannya, dlm. ***http://www.pas.org.my/pas/ulama/usrah/haraki3.html***

[77] Sebenarnya, masalah "Jemaah dalam Jemaah" berlaku juga dalam ABIM. ABIM Perlis di bawah pimpinan ustaz Dahlan Mohd Zain iaitu salah seorang yang mendapat tarbiyah al-Ikhwān al-Muslimūn di Iraq telah membentuk manhaj tarbiyah dan fikrah Jemaah sendiri berkiblatkan kepada al-Ikhwān al-Muslimūn Mesir. Sebaliknya, ketaatan mereka tidak sepenuhnya kepada ABIM Pusat. Oleh itu, ABIM pusat mengambil tindakan tegas memberi kata dua sama ada menerima ABIM seadanya atau menolaknya sepertimana yang ditegaskan oleh Presiden ABIM dengan katanya, *'take it or leave it.'* Selepas melalui proses penilaian terhadap aktiviti-aktiviti dan laporan perkembangan ABIM Perlis (tahun 1980-an) yang mencanggahi pendekatan ABIM yang disepakati, maka Syura ABIM Pusat bersetuju supaya pentadbiran ABIM Perlis diambil alih oleh pusat pada 2 Ogos 1992. Lihat, Persidangan ke 13 MST ABIM pada 10 Januari 1993 "Laporan ABIM Perlis" oleh Sekretariat ABIM Pusat, Petaling Jaya.

menguatkuasakan dengan tegas perlaksanaan konsep ketaatan kepada manhaj dan fikrah Jemaah atau *al-walā' 'ala al-jamā'ah*. Oleh itu, ahli-ahli PAS tidak dibenarkan sama sekali mengambil pendekatan dan manhaj yang lain daripada PAS kerana akan membawa kepada perbezaan fikrah dan pendekatan yang membawa perselisihan.[78]

Fahaman jemaah yang dianuti oleh PAS dianggap sebagai 'salinan karbon' kepada gerakan Islam Timur Tengah kerana kebanyakan pimpinannya dikuasai oleh kalangan ustaz yang berkelulusan dari sana atau mereka yang dipanggil sebagai ulama (tradisional). Tidak ramai golongan profesional pada masa itu yang mahu terlibat dengan kepimpinan PAS kerana pendekatan menghukum. Pendekatan demikian telah menyuburkan amalan takfir di kalangan masyarakat Islam, terutamanya di Kelantan dan Terengganu. Peristiwa takfir benar-benar berlaku di Kelantan dan Terengganu seperti perpecahan keluarga, suami isteri berkelahi dan jadilah masyarakat dibahagi-bahagikan oleh perbezaan politik yang menyebabkan berlakunya sembahyang dua imam, lahir dua masjid (solat Jumaat) seqariah, lahir kubur yang berasingan, kenduri kendara, mati relai dan sakit demam tidak lagi menjenguk silai.[79]

---

[78] Yusuf Rawa, "Ke arah Tajdīd Ḥaḍārī", dlm. ***Membina Ketahanan Ummah,*** hlm. 179; Untuk menguatkan prinsip tersebut, PAS melalui ***Perlembagaan***nya menambah peruntukan (h) dalam Fasal 75 (Tatatertib PAS) (Pindaan 1993) iaitu Semua ahli-ahli PAS hendaklah , "Menerima PAS sebagai satu-satunya wadah perjuangan Islam bagi dirinya di dalam negara ini." Lihat, ***Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia*** Fasal 75. Tatatertib PAS (Pindaan 1977) hlm. 103; dan Fasal 75.Tatertib PAS (Pindaan 1993), hlm. 122.

[79] Lihat, Asri, ***Memoir Asri***, hlm. 113-114. Dalam kajian yang dijalankan oleh ABIM bersama PUM, Yayasan Arqam, Persatuan Bekas-Bekas Penuntut Timur Tengah dan pensyarah-pensyarah universiti tempatan pada tahun 1982 mendapati bahawa perpecahan di kalangan masyarakat luar bandar adalah ternyata berlaku, terutamanya di tempat kajian kes di Besut. Lihat, Mohd Noor Nawawi, ***Islam di Malaysia,*** dlm. Kertas Kerja Seminar Gerakan Islam di Dunia Melayu, Anjuran ABIM, UIA, Petaling Jaya, 6 Disember 1986, hlm. 20: Lihat juga, Mohamad Salleh Lamry, Konflik Politik UMNO dan PAS, hlm. 68-69; Cikgu Husin Embong, bekas pimpinan Pemuda PAS Besut mengakui wujud perpecahan di kalangan masyarakat Islam Besut kerana pendekatan takfir dalam parti politik. Hasil Temu bual dan lawatan penulis pada 5 Jun 1999 di Besut, Terangganu.

Pendekatan takfir menyebabkan berlaku penyalahgunaan atau tidak berhati-hati penggunaan istilah-istilah jamā'ah, ḥarakah, ṭāgḥūt, jāhiliah, sekular, *'aṣābiyyah* dan sebagainya untuk maksud politik. Ia tidak mencapai maksud sebenar definisi peristilahan tersebut yang lebih menjurus kepada makna yang lebih umum dan istilah-istilah tersebut ada kaitan pula dengan latar belakang kelahirannya.[80] Selanjutnya, hampir berlaku perdebatan atas tajuk kafir mengkafirkan sesama umat Islam di Malaysia melalui televisyen tetapi perdebatan itu dibatalkan dengan perintah Yang Dipertuan Agong pada 8 November 1984.[81]

Kemuncak peristiwa takfir ialah tragedi berdarah di Kampung Memali, Mukim Siong, Baling Kedah pada 19 November, 1985. Tragedi ini adalah pertembungan antara Ibrahim Mahmood (Libya) dan para pengikut yang setia kepadanya dengan Pasukan Polis Hutan (PPH). Pihak pemerintah mendakwa bahawa tragedi ini adalah angkara golongan 'revolusi Islam' atau pelampau agama yang sesat yang terpengaruh dengan pelampau agama di luar negeri seperti gerakan Revolusi Islam Timur Tengah untuk menimbulkan pecah belah masyarakat dengan takfir, huru hara serta mengancam keselamatan negara.[82]

---

[80] Penggunaan istilah-istilah jamā'ah, munāfiq, ta'aṣṣub, ḥizb sering disalahgunakan. Ini menyebabkan berlakunya pengkhianatan semantik al-Qur`ān yang menjadi semantik yang sakral. Lihat, Utman Muhammady, "Istilah Qur`ān sering disalahgunakan" dalam Berita Harian Online; ***http: //www. geocities. com/ Broadway/9294 /Tafsir.html***

[81] Lihat, ***http://www.umno.org.my/detik/1984.html***. Tajuk debat yang dicadangkan oleh UMNO ialah PAS kata UMNO kafir? Hasan Shukri (Setiausaha Agong) memberi jawapan setuju dengan cadangan sedikit pindaan iaitu UMNO kata PAS kata UMNO kafir. Beliau juga setuju pelantikan Lokman Musa sebagai pengerusi debat tersebut. Badan-badan dakwah dan sarjana tertentu seperti Prof. Dr. Abdul Raof telah berusaha untuk menasihati kedua-dua belah pihak supaya tidak meneruskan perdebatan tersebut yang akan membawa kepada perbalahan yang lebih parah. Tokoh-tokoh dakwah dan sarjana seperti Dr Harun Din, Dr. Kamal Hasan, Siddiq Fadil mencadangkan muzakarah menggantikan perdebatan. Temu bual dengan Hasan Shukri pada 29 Jun 2002 di Taman Melewar, Kuala Lumpur.

[82] Kertas Putih mendedahkan kegiatan Ibrahim Libya dan kumpulannya seperti dituduh memecahbelahkan masyarakat, menanam semangat jihad, penubuhan gerakan revolusi Islam dan amalan tangkal dan jampi. Lihat, ***Kertas Perintah 21, Tahun 1986*** Malaysia, "Peristiwa Memali" diterbitkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 25 Feb. 1986, hlm. 13-17.

Sebenarnya, Ibrahim Mahmood (lebih dikenali dengan Ibrahim Libya) adalah seorang guru agama yang berkelulusan dari Pusat-Pusat Pengajian Tinggi seperti Nilam Puri di Kelantan, Dārul 'Ulūm di India, Universiti al-Azhār di Mesir (sarjana muda dalam bidang Syariah) dan Ma'ahad Da'wah di Tripoli, Libya dan pernah pula berkhidmat sebagai pegawai agama (pendakwah) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau adalah salah seorang aktivis PAS yang lantang menentang UMNO dan amat berkeinginan untuk mati syahid berjuang di jalan ALlāh melalui wadah PAS. Oleh itu, beliau mengambil keputusan berhenti dari bekerja dengan kerajaan yang dianggap sekular dan balik ke kampungnya untuk berkhidmat sebagai seorang guru agama di samping aktivis PAS di Baling.[83] Beliau mengajar agama berpandukan kepada kitab ***Mastika Hadis*** (terbitan Jabatan Perdana Menteri) dan kitab ***Fatḥ al-Ghaib***. Beliau menentang keras Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan menganggapnya sebagai undang-undang paling zalim dan haram di sisi Islam malah beliau sanggup mati daripada menyerah diri ditahan di bawah ISA itu.[84]

Berdasarkan kenyataan di atas, PAS menyangkal dakwaan kerajaan (sebagaimana yang terkandung dalam Kertas Putih) dengan mengatakan bahawa tuduhan-tuduhan itu dijadikan alasan yang tidak pernah dibuktikan kebenarannya. Orang yang dituduh tidak mempunyai apa-apa hak untuk mempersoalkan tuduhan yang dilemparkan kepadanya.[85] PAS mengisytiharkan 14 orang yang terkorban dalam

---

[83] Lihat, "Memali dalam Kenangan" oleh Pak Din dlm. ***http://www.fortunecity.com/victorian/ donahue/61/ memali1.html***

[84] Lihat, kenyataan Yusof Husin, tokoh PAS yang terlibat dengan peristiwa Memali dalam ***Isu Memali: Hakikat dan Realiti*** (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat, 2002), hlm.14.

[85] Lihat, Memorandum PAS kepada YAB PM mengenai peristiwa Kampung Memali, dlm. S.H Al-Attas, ***Mahathir Anwar Konspirasi Reformasi***, (Kuala Lumpur: Jaharah Enterprice, 1998), hlm. 224.

peristiwa tersebut adalah sebagai mati syahid. Malah menegaskan tindakan Ibrahim Mahmood (Libya) memilih pendirian *'azīmah'* yakni tegas dan tidak berganjak (bukan rukhṣah) dalam mempertahankan dirinya daripada serangan musuh adalah dikira lebih afdal dalam Islam.[86]

Tragedi Memali merupakan pertembungan fizikal antara kumpulan Islamis dengan sekularis. Islamis 'radikal' misalnya mengambil pendekatan dikotomi dan bersikap bahawa mesti ada garis pemisah yang jelas antara golongan sekular dengan Islamis. Sementara itu, sekularis pula mengambil pendirian anti radikalisme dan menggunakan pendekatan kekerasan untuk menghapuskan pengaruh radikalisme dan sekali gus pengaruh parti politik PAS.[87] Di samping itu, pendekatan takfir dan cara

---

[86] ***Ibid***., hlm 225. Fatwa syahid Memali oleh PAS tidak diakui oleh kerajaan; Jawatan Kuasa Fatwa Majlis Agama Islam Kedah mengeluarkan fatwa kematian itu bukan syahid tetapi sebagai *bughāh* iaitu penderhaka . Isu ini menjadi kontroversi apabila Sultan Kedah sendiri mencemar duli menziarahi makam syuhada' Ibrahim dan rakan-rakannya; kalau bukan syahid apakah status kematian itu? Sampai hari ini kerajaan tidak dapat membuktikan mereka yang terkorban itu sebagai penjenayah atau sesat!. Lihat, Zubairi Mohd Fadzil, Pas, Persediaan dan Cabaran...hlm. 105. Lihat, Abd Rahman, "Memali, the massacred village, revisited" dlm. ***Http: // www.muslimedia. com/ archives / sea99 / memali.html.***

[87] Peristiwa ini boleh dielakkan sekiranya pihak kerajaan menggunakan kaedah rundingan seperti yang pernah dilakukan oleh Tun Abdul Razak kepada Dato' Harun Idris pada tahun 1970-an. Walaupun Dr. Mahathir cuba menyalahkan Timbalannya ketika itu, Tan Sri Musa Hitam tetapi terdapat dakwaan bahawa arahan untuk menyerang Ibrahim Mahmood (Libya) dan penyokongnya datang daripada Dr. Mahathir yang sedang melawat negara Komunis China. Lihat, Steffan Khings & Associates, Salahlaku Dr. Mahathir dlm. ***Http://www.geocities.com/Pentagon/Bunkers/1711/salahlaku. html***, hlm. 3. Menurut keterangan Dato' Yahaya Yoep Ishak, bekas Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan pengarah operasi Memali bahawa ada desakan dari Perdana Menteri dan Menteri Besar Kedah ketika itu supaya kegiatan Ibrahim Libya segera dipatahkan agar pengaruhnya tidak meluas. Operasi Memali bermula dengan penangkapan Abdul Razak Daud, seorang aktivis-radikal PAS di Sungai Petani pada 1 September 1984 dan kemudian penangkapan beberapa tokoh pemuda PAS seperti Abu Bakar Chik, Mat Sabu dan Bunyamin Yaakob. Polis mengeluarkan waran tangkap terhadap Ibrahim Mahmood (Libya) tetapi beliau enggan menyerah, maka polis bertindak mengawasi seluruh pergerakan Ibrahim Mahmood (Libya), pengikutnya dan seluruh penduduk di kampung berkenaan. Setelah rundingan tidak berjaya, polis menggunakan khidmat Unit Tindakan Khas Polis merempuh pagar rumah Ibrahim Mahmood (Libya) dengan menggunakan kereta perisai. Dato' Yahaya yang mengetuai operasi itu mendakwa beliau telah ditembak beberapa das tetapi tembakan itu tersasar dan apabila tembakan dari pengikut Ibrahim Mahmood (Libya) mengenai pengiringnya (UTK), maka mereka bertindak menembak balas Ibrahim Mahmood (Libya) dan pengikut-pengikutnya kerana mempertahankan diri mereka. Sesetengah pihak mendakwa iaitu isterinya sendiri (Solehah) bahawa Ibrahim Mahmood (Libya) dan pengikutnya ditembak dengan gas pemedih mata terlebih dahulu kemudian barulah mereka diserang oleh UTK itu. Dato' Yahaya menafikan bahawa berlakunya tembak menembak sesama polis kerana beliau mendapati peluru yang digunakan bukan peluru yang digunakan oleh pihak polis. Secara keseluruhan operasi ini melibatkan beberapa kelemahan dalaman seperti

kekerasan mengawalnya menjadi faktor awal pertembungan pemikiran antara ahli-ahli kedua-dua parti tersebut sebelum berlaku pertentangan fizikal.[88]

Pendekatan takfir sebenarnya merenggangkan hubungan ukhuwah antara sesama gerakan Islam. Walaupun demikian secara positifnya, ABIM berusaha melahirkan manhaj tersendiri, Manhaj Maliziy yang berdasarkan kepada pendekatan *wasaṭiyyah* yang membolehkan ia berperanan sebagai 'a partnership in nation building' dan sikap demikian memberi ruang kepada gerakan dakwah berkembang dalam kerajaan. Pertentangan ini menjadikan ABIM lebih berdikari dalam sikap non partisan yang tidak terikat dengan mana-mana parti dalam menyatakan kebenaran. ABIM lebih kreatif dan inovatif dalam melakukan pelbagai *breakthrough* dan penerokaan baru. Kematangan intelektualnya dikatakan terbukti kerana berani mengkritik pemikiran tokoh-tokoh gerakan Islam yang berpengaruh demi menyerlahkan kebenaran dan menghasilkan karya-karya pemikiran asli yang terhasil dari renungan, telaah dan kajian lapangan yang mereka lakukan sendiri.[89]

---

tindakan membawa anjing, tidak menggunakan jaring sebagaimana arahan ketika penangkapan dan maklumat tindakan polis diketahui oleh pengikut Ibrahim Libya. Temu bual dengan Dato' Yahaya Yeop Ishak, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri selaku pengarah operasi Memali 19 November 1985 di Baling, Kedah; lihat juga, Video Rakaman Mengenai Pengkesahan Semula Peristiwa Memali pada 2 September 2000 oleh Polis Diraja Malaysia; lihat juga, C.N. Al-Afghani, ***Suamiku Kekasih ALlah: Kisah Benar Dari Memali*** (Baling: Penerbitan Al-Jihadi, 1999), hlm. 43-44. Di akhir hayatnya, Ibrahim Mahmood (Libya) berceramah tentang kelebihan syahid dalam perjuangan menegakkan Islam dan menamakan salah seorang anaknya dengan nama, Nur Syuhada. Lihat, "Syahid Membicarakan Syahid" Ucapan Tamrin Kepimpinan Islam anjuran PAS, Baling beberapa hari sebelum peristiwa Memali dlm. ***Koleksi Ucapan Ibrahim Mahmood dan Ustaz Haji Abdul Hadi Awang*** (Kuala Lumpur: Jawatan Kuasa Memperingati Syuhada Yang Gugur Syahid Pada 19 Nov. 1985, edisi 1987, tanpa penulis).

[88] Misalnya, peristiwa berdarah di Lubuk Merbau (1985) yang mengorbankan seorang ahli PAS, Othman Talib adalah akibat dari penubuhan 'Pasukan Penggempur' yang bersedia bertindak secara kekerasan (fizikal) bagi menghadapi persoalan takfir (agama dan politik). Lihat, Kamarudin Jaffar (ed.), ***Memperingati Yusuf Rawa***, hlm. 109. Mengenai Fenomena takfir sebelum tragedi Memali. Lihat, ***Kertas Perintah 21, Tahun 1986*** Malaysia, "Peristiwa Memali" diterbitkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 25 Feb. 1986, hlm. 13-17.

[89] Lihat, Siddiq Fadil, ***Gerakan Islam Dekad 90-an***, hlm. 4-5. Beliau pernah mengkritik pemikiran Sayid Quṭb berhubung dengan 'fiqh kertas' sebagai tidak tepat; kritikan beliau mendapat reaksi yang tidak

Al-Ikhwān al-Muslimūn dan Pelajar Melayu di Timur Tengah

Di antara faktor yang dikatakan membawa pengaruh radikal ke dalam tubuh gerakan Islam di Malaysia ialah pengaruh para lulusan dari Timur Tengah. Adakah benar para pelajar Melayu mendapat pengaruh langsung daripada gerakan Islam al-Ikhwān al-Muslimūn di Mesir? Sebenarnya tidak demikian, sungguhpun para pelajar Melayu merasai bahang gerakan radikalisme yang berlaku akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an, namun demikian kebanyakan mereka hanya mengikuti perkembangan demikian melalui pembacaan kitab, majalah dan akhbar yang diterbitkan oleh al-Ikhwān al-Muslimūn tanpa turut serta terlibat dengan gerakan tersebut. Pihak kedutaan Malaysia dan pihak keselamatan Mesir melarang sama sekali para pelajar terlibat dengan al-Ikhwān al-Muslimūn.[90] Pihak kerajaan Mesir memberi kebebasan berpersatuan kepada pelajar-pelajar Melayu melalui persatuan-persatuan berdaftar seperti PMRAM dan persatuan-persatuan anak negeri masing-masing. Hanya sebilangan kecil pelajar Melayu yang mengadakan hubungan rahsia dengan al-Ikhwān al-Muslimūn.[91]

---

menyenangkan pihak yang taasub dengan pemikiran Sayid Quṭb. Lihat, Siddiq Fadil, "Gerakan Islam: Prinsip dan Cabaran", dlm. Kertas Kerja Seminar Pemikiran Islam Ke Arah Pemurnian Pemikiran Islam di Malaysia, Universiti Malaya, pada 9 & 10 November 1987, hlm.18.

[90] Temu bual penulis dengan Tuan Yang Teramat Mulia Dato' Zainal Azman Zainal Abidin, Duta Besar Malaysia di Mesir di bandar Kaherah pada 3 Mac 1998; Di bawah pemerintahan Husnī Mubārak (1981-kini), pendukung gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn Mesir diberi peluang bergerak dalam parti politik yang dibenarkan oleh pemerintah seperti Parti Wafd dan Parti Buruh. Walaupun demikian al-Ikhwān al-Muslimūn masih diharamkan bergerak sebagai sebuah parti politik. Keadaan ini memberi ruang kepada al-Ikhwān al-Muslimūn melebarkan pengaruh dalam bidang ekonomi dan aktiviti-aktiviti sosial dan ternyata pengaruhnya tersebar di kalangan para profesional, para pelajar universiti termasuklah para penuntut Malaysia yang menuntut di Mesir melalui buku-buku dan majalah-majalah yang diterbitkan oleh tokoh-tokoh gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn. Lihat, "Al-Ikhwān Dalam Zaman Hosni Mubarak" dlm. Lam Chong Long, Konflik Politik dan Perjuangan Al-Ikhwān Al-Muslimūn di Mesir, Latihan Ilmiah, Rancangan Pengajian Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, 1997/1998, hlm. 153-154; Lihat lebih lanjut, Hala Mustafa, "The Islamist Movements Under Mubarak", dlm. Loura Guazzone (ed.), ***The Islamist Dilemma*** (Lebanon: Ithaca Press, 1995), hlm. 161-185.

[91] Lihat, ***Suara Pelajar: Buku Tahunan Persekutuan Melayu Mesir***, (al-Qāhirah: Persekutuan Pelajar Melayu Mesir, 1960), hlm. 4-7. Di antara mereka yang dikatakan mengadakan hubungan langsung dengan al-Ikhwān al-Muslimūn ialah Alias Othman, Zawawi Ali, dan Harun Taib. Temu bual dengan

Kebanyakan pimpinan pelajar-pelajar Melayu dalam PMRAM sudah mendapat pendedahan awal mengenai gerakan Islam, terutamanya melalui PAS sebelum mereka melangkah kaki ke Mesir. Di antara kegiatan PMRAM (dengan kerjasama Dewan Pemuda PAS) ialah mengadakan kursus induksi kepada bakal-bakal pelajar yang akan ke Mesir. Pimpinan PMRAM sentiasa mengadakan hubungan rapat dengan pimpinan PAS, terutamanya pada tahun 1980-an. Sejak kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, kebanyakan pimpinan PMRAM dikuasai oleh pemikiran dikotomi gerakan Islam PAS. Sungguh pun PMRAM sebagai persatuan induk bagi semua para pelajar Melayu, namun demikian perhubungan PMRAM dengan Jemaah-Jemaah lain agak tegang kerana sikap taasub kepada faham Jemaah dan faham kenegerian (Kelantan) serta menolak konsep kepelbagaian Jemaah.[92]

Sebenarnya, kesedaran pelajar-pelajar Melayu (di Mesir) terhadap gerakan dakwah agak lewat berbanding di Malaysia. Pada pertengahan tahun 1970-an (1975) baru

---

Rumaizuddin bin Haji Ghazali, mantan YDP ABIM Mesir dan temu bual dengan Ustaz Nasir Abdullah, bekas pegawai penuntut di Mesir (1986-89) pada 31 Januari 1999 di Shah Alam. Menurut Alias Othman, beliau meminati al-Ikhwān al-Muslimūn kerana sikap sederhana pimpinan gerakan Islam tersebut walaupun dituduh radikal dan ekstrem. Wawancara (melalui telefon) dengan Alias Othman pada 26 Jun 2002. Ustaz Alias Othman banyak menterjemahkan hasil karya tokoh-tokoh utama al-Ikhwān al-Muslimūn seperti karya Ḥasan Al-Bannā ***Risalah Muktamar Kelima Ikhwan Muslimin*** (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1983); 'Abdul Raḥmān 'Abdul Khālid ***Garis pemisahan antara kufur dan iman*** (***al-Ḥad al-fāṣil bayna al-kufr wa-al-Īmān***) (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1986); Yūsuf al-'Azam, ***Faṣl al-din `an al-dawlah (pemisahan antara agama dan negara)*** (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1986). Ḥasan al-Bannā ***Usul dua puluh*** (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1984); Sayid Quṭb, ***Apakah ciri-ciri khusus Islam?*** (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1986; Khālid 'Abdul Raḥmān ***Garis pemisahan antara kufur dan iman*** (Kuala Lumpur: Al-Ikhwan, 1981); Fatḥī Yakan, ***Apa ertinya saya menganut Islam*** (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1983).

[92] Persatuan-persatuan atau pelajar-pelajar yang tidak bersama dengan Jemaah PMRAM akan dipencilkan dan dipulaukan. Pada tahun 1975-1979 PMRAM diberhentikan pergerakannya kerana berlaku krisis kepimpinan akibat dari faham kenegerian (Kelantan) dan pada tahun 1980 barulah diperbaharui pergerakannya. Namun demikian, gejala taasub dan suasana pulau memulau hatta tidak memberi 'salam' sesama jemaah ternyata berlaku pada dekad 1980-an dan 1990-an. Di antara tokoh 'radikal' rujukan para pimpinan pelajar PMRAM ketika itu ialah Haji Hadi Awang, Mohamad Sabu. Temu bual dengan ustaz Mokhtar Ridzwan, bekas Timbalan YDP PMRAM pada 13 Jun 2000 di Shah Alam. Penulis sempat membuat dua kali lawatan dan tinggal bersama para pelajar di asrama kediaman mereka pada 17 Mei 1994 hingga 24 Mei 1994 dan kali ke-2 pada 23 Februari 1998 hingga 4 Mac 1998; lihat juga, ***al-Kashyāf***, edisi perdana 1997 terbitan PMRAM, hlm. 49.

ada pembaharuan terhadap apa yang disebut sebagai zaman jahiliah yang mana para pelajar ketika itu terlibat dengan seni muzik yang melalaikan. Maka pada akhir 1970-an (1979) diusahakan penjualan alat-alat muzik dan wangnya digunakan untuk kegiatan dakwah.[93] Tokoh-tokoh utama gerakan Islam Malaysia lulusan universiti Timur Tengah, terutamanya lulusan al-Azhār seperti Haji Fadzil Noor, Ustaz Niamat Yusuf, Ustaz Nakhaie Ahmad, Syeikh Azmi Ahmad (Baghdad), Abu Bakar Awang (Baghdad) dan Abdul Hadi Awang menyertai gerakan dakwah ABIM di bawah pimpinan Anwar Ibrahim setelah mereka kembali ke Malaysia.[94] Sebenarnya gerakan Islam di Malaysia, terutamanya ABIM adalah dibentuk oleh gerakan pelajar tempatan yang mendapat pengaruh gerakan Islam luar negara seperti Timur Tengah, Pakistan dan Indonesia. Begitu juga, para pelajar yang menuntut di Timur Tengah sebenarnya bukanlah pembawa aliran pemikiran revolusi Islam Iran ke sini kerana pembawa aliran demikian ialah para penuntut yang menuntut di Barat (Britain).[95]

Radikalisme yang berlaku di kalangan aktivis lulusan Timur Tengah pada tahun 1980-an di Malaysia adalah berpunca dari sebab keutamaan kepada pendekatan menghukum dalam menghadapi pihak lawan. Di samping itu, bentuk pengajian agama

---

[93] Temu bual dengan ustaz Mokhtar Ridzwan, bekas Timbalan YDP PMRAM pada 13 Jun, 2000 di Shah Alam.

[94] Anwar Ibrahim adalah tokoh yang mendorongkan mereka turut serta dalam gerakan dakwah pada awal tahun 1970-an. Temu bual dengan ustaz Niamat Yusuf , mantan YDP ABIM Kedah di Alor Setar Kedah pada 29 Disember 2000.

[95] Lihat, Mehden, ***Two Worlds of Islam***, hlm. 83. Lihat juga, Zainah Anwar, ***Kebangkitan Islam Di Kalangan pelajar***, (Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd., 1990), hlm. 57. Menurut keterangan Zainah Anwar, gerakan dakwah secara radikal bermula pada pertengahan tahun 1970-an, terutamanya akhir tahun 1970-an apabila pelajar-pelajar dari England yang terpengaruh dengan al-Ikhwān al-Muslimūn dan Jamaat Islami pulang ke tanah air. Sedangkan sebelum itu, ABIM mengambil pendekatan yang sederhana. Sementara itu, idea revolusi Islam sebagai wasilah menegakkan Daulah Islamiah kuat diperjuangkan oleh IRC atau Majlis Syura Muslimin sekitar tahun 1980-an. Lihat, ***Majalah Isu-Isu Semasa: Satu Analisa Gerakan Islam*** (1981-1983), (London: Majlis Syura Muslimin, 1983), hlm. 17.

sama ada di dalam negeri mahu pun di luar negara banyak berorientasikan hukum-hakam dan kurang pendedahan mengenai pemikiran Islam semasa kecuali mereka yang terlibat dengan gerakan dakwah. Kitab-kitab rujukan bagi aktivis-aktivis gerakan Islam ketika itu, terutamanya dari Timur Tengah dan India-Pakistan adalah bercirikan radikal dan vokal menentang kerajaan seperti karya-karya Sayid Quṭb, Fatḥī Yakan, Sa'īd Ḥawwā dan Abū A'lā al-Mawdūdī.

Al-Ikhwān al-Muslimūn dan Pelajar Melayu di Barat

Kebanyakan negara-negara Arab telah menjadikan imej al-Ikhwān al-Muslimūn sebagai penentang kerajaan dan akibatnya ruang berdakwah begitu terhad sekali. Pendekatan dakwah lebih bersifat *sir* (rahsia) dan berhati-hati kerana ruang dakwah terlalu terhad. Keadaan ini menyebabkan ramai pemikir gerakan Islam al-Ikhwān al-Muslimūn berhijrah ke negara-negara Barat seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat. Pelajar-pelajar Melayu di Mesir tidak dibenarkan menghubungi al-Ikhwān al-Muslimūn, oleh itu, kebanyakan para pelajar Melayu mengikuti pemikiran al-Ikhwān al-Muslimūn melalui tulisan-tulisan yang ditulis dalam buku-buku dan majalah yang didapati edarannya agak bebas berbanding dengan syarahan atau ceramah.

Sebenarnya, terdapat sebilangan pelajar-pelajar Melayu mengadakan hubungan langsung dengan tokoh-tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn yang berhijrah ke United Kingdom. Tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn seperti Sa'īd Ramaḍān (menantu Ḥasan al-Bannā) pernah menjadi penasihat kepada tokoh-tokoh dakwah ABIM seperti Ustaz Mohd Dahalan Arshad, Ustaz Razali Nawawi,[96] dan Wan Ismail Wan Ibrahim.[97] Kumpulan

---

[96] Lihat, Md.Sidin (Penyelenggara), ***Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1996)***, hlm. 22-3.

gerakan Islam pelajar-pelajar Melayu di luar negara seperti IRC,[98] MISG,[99] HIZBI[100] masing-masing mendakwa mempunyai hubungan yang rapat dengan gerakan Islam al-Ikhwān al-Muslimūn dan Jamaat Islami di Pakistan. Sementara itu, FOSIS pula adalah persatuan pelajar yang aktif menyebarkan pemikiran gerakan Islam seperti Sayid Quṭb dengan tafsirnya ***Fī Ẓilāl al-Qur`ān***, pemikiran Islam Mawdūdī dan Maryam Jameelah melalui majalah FOSIS yang terkenal, ***The Muslim*** (sejak 1967 lagi).[101]

---

[97] Sa'Īd Ramaḍān al-Būṭī (menantu kepada Ḥasan al-Bannā) mengahwinkan adik saudaranya, Dr. Fatma Zahra' al-Būṭī dengan Dato' Wan Ismail Wan Ibrahim iaitu bekas Timbalan Menteri Besar Kelantan dan beliau pernah menjadi tenaga pengasas ABIM Kelantan. Temu bual dengan Dr. Fatma Zahrā' al-Būṭī pada 30 Julai 2002 di Shah Alam.

[98] Semasa di UK kumpulan ini mengasaskan secara rasmi IRC atau Majlis Syura Muslimin pada tahun 1975, sebuah Jemaah Islam yang bertujuan mengembeling tenaga pelajar Melayu untuk bersama memikul tugas dakwah dan mengamalkan Islam dalam erti kata yang sebenarnya. MSM berpeluang menimba ilmu dan pengalaman daripada pejuang-pejuang Islam yang datang dari Timur Tengah dan Benua kecil India iaitu al-Ikhwān al-Muslimūn dan Jamaat Islami. MSM telah berdaftar dengan MSD pada tahun 1991. Lihat, ***http:// sun 1. bham. ac. uk/my. zamri/ msm/ msm/ doc. htm. hlm.1***. Idea penubuhan IRC dan Suara Islam diilhamkan oleh al-Ikhwān al-Muslimūn dan Jamaat Islami. IRC dikatakan menjadi punca perpecahan badan-badan Islam di UK. Lihat, Siti Rafiah Abd Hamid, ***MISG di Great Britain: Satu Analisa Mengenai perkembangan, Pencapaian dan Masalah 1961-1986***, Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan sejarah, UM, KL, 1989, hlm 43 & 74; Data-data anggotanya dan rancangan masa depannya dirahsiakan. Pendekatan yang diambil adalah bercorak hitam-putih untuk menarik pelajar-pelajar di wilayah (luar England). Pengaruh mereka merebak ke pusat pengajian tinggi di Malaysia serta parti PAS. Lihat, ***STAR***, 6 September 1988, hlm. 2. Di Malaysia, IRC berusaha mendapat pengiktirafan daripada tokoh-tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn di Kuwait; Di Mesir, kumpulan ini dikenali dengan 'Ālamiyyah dan berhubung dengan tanzim rahsia gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn. Di Malaysia kumpulan ini mengasaskan JIM pada tahun 1990.

[99] Malaysian Islamic Studies Group (MISG) di UK ditubuhkan pada tahun 1963 yang bermatlamat untuk menyatukan pelajar-pelajar Melayu berdasarkan keislaman, lihat, Siti Rafiah, ***MISG di Great Britain***, hlm 43; MISG dikatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan al-Ikhwān al-Muslimūn dan Jamaati Islami. Umpamanya penggantungan Sayid Quṭb telah sama-sama dibantahi oleh MISG melalui tunjuk perasaan secara aman di London. Lihat, ***Ibid***, hlm. 46; Pendukung dakwah Islam di kalangan pelajar terdiri daripada pelajar-pelajar A Level dan mahasiswa jurusan sains dan kejuteraan. Mereka menubuhkan persatuan-persatuan seperti MISG yang berpusat di London. Lihat, Muhd Abu Bakar, ***Kebangkitan Islam dan Proses politik di Malaysia,*** (Kuala Lumpur: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Universiti Malaya, 1980); hlm. 12. MISG diasaskan oleh para aktivis ABIM, oleh itu, kebanyakan dasarnya memihak kepada ABIM.

[100] HIZBI United Kingdom dan Eire dirasmikan penubuhannya oleh Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat pada bulan Jun 1991 di Didsbury Mosque, Manchester. Lihat: ***http: //www. geocities. com/ Silicon Valley /Ridge/ 8330/ hizbiuk. Html.***

[101] Lihat, ***The Muslim***, (London: FOSIS, 1967).

Hasil pendidikan gerakan Islam yang bebas di UK itu telah melahirkan para aktivis gerakan dakwah Melayu yang radikal dan berjiwa 'revolusi' kemudian apabila mereka pulang ke tanah air, mereka berperanan mempengaruhi gerakan Islam melalui penyusupan pengaruh 'pendekatan revolusi' ke dalam gerakan Islam tanah air, terutamanya PAS dan ABIM. Walaupun usaha penyusupan itu gagal, namun demikian gerakan Islam mengalami pertentangan pendekatan sesama mereka dalam melawan arus sekularisme di Malaysia. Para aktivis gerakan Islam seperti ABIM, PAS dan IRC saling pula memperluaskan pengaruh masing-masing di kalangan para pelajar institut pengajian tinggi tempatan di samping itu mereka turut mengaktifkan penubuhan cawangan masing-masing di UK, US, Mesir dan lain-lain lagi.[102] Di Universiti tempatan, PKPIM merupakan rangkaian gerakan ABIM yang mengambil pendekatan sederhana sementara itu aktivis PAS cuba menguasai persatuan-persatuan mahasiswa dengan pendekatan 'kepimpinan-ulama' dan IRC menggunakan pendekatan rahsia. Sejak kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, PAS berjaya menguasai kepimpinan gerakan Islam di kalangan pelajar-pelajar IPT tempatan mengambil alih peranan 'anti establishment' ABIM sebelum itu dan sebilangan aktivis gerakan Islam, terutamanya ABIM dan JIM memasuki UMNO.[103]

Identiti al-Ikhwān al-Muslimūn sebagai model utama gerakan Islam memainkan peranan penting dalam mendapat keabsahan sebagai gerakan Islam di Malaysia. Pemilihan tokoh gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn berdasarkan pendekatan

[102] Sejak berlaku krisis sesama gerakan Islam, terutamanya akhir tahun 1980-an, ABIM menggunakan nama dan lambang ABIM misalnya ABIM UK, ABIM Mesir dan seumpamanya bagi tujuan pengenalan ahli-ahlinya dan Jemaahnya di luar negara sedangkan JIM masih menggunakan nama MSM dan PAS menggunakan Hizbi.

[103] Misalnya, dari ABIM ialah Kamaruddin Jaafar, Kamaruddin Mohd Noor, Fuad Hassan; dari JIM seperti Abdul Rahim Ghouse, Wan Husni Wan Hasan dan Sahri Bhari.

yang diambil oleh sesebuah gerakan itu. Misalnya, ABIM lebih cenderung mengambil tokoh-tokoh gerakan Islam tertentu yang mengambil pendekatan sederhana. Tokoh-tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn yang menjadi sumber rujukan dan idola ABIM adalah seperti Ismā'īl Fārūqī,[104] Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī,[105] Syeikh Muḥammad al-Ghazālī al-Saqqā,[106] Fatḥī 'Uthmān,[107] Muṣṭafā Masyhūr, 'Abdul Muta'al al-Jabarī, Sayid

---

[104] Prof. Ismā'īl Rājī al-Fārūqī (1921-1986) berasal dari Lebanon kemudian berpindah dan menetap di Philadelphia, Amerika Syarikat adalah merupakan seorang tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn yang berpengaruh di Universiti Temple. Beliau terkenal sebagai seorang yang berwibawa dalam bidang pengajian Islam dan perbandingan agama di peringkat antarabangsa; dan sebagai seorang pendidik beliau dianggap sebagai murabbi dan mentor gerakan Islam yang berkesan. Beliau amat disayangi oleh para pelajarnya, terutamanya dari kalangan para pelajar Malaysia yang belajar di sana seperti Dr. Muhammad Nur Manuty, Prof Salleh Jaafar, Fatimah Ali. Prof. Ismā'īl melawat Malaysia beberapa kali dan mempunyai hubungan yang baik dengan Dr. Mahathir. Beliau dikatakan tokoh yang merapatkan hubungan gerakan Islam ABIM dengan Dr Mahathir dan berjaya memujuk Anwar Ibrahim memasuki UMNO setelah meyakinkannya bahawa Dr. Mahathir cukup positif dengan matlamat gerakan Islam di Malaysia "ALlah ta'ala has guided Dr Mahathir bin Mohamad to be all disposed towards- the Islamic Movement for his goal and your goals are one". Di antara karya besar beliau ialah ***Historical Atlas of the Religions of the World***, dan hasil karya bersama isterinya, Dr. Lois Lamya al-Fārūqī ialah ***the Cultural Atlas of Islam.*** Satu sumbangan yang signikan kepada dunia ilmiah ialah beliau berjaya mengasaskan the International Institue of Islam Thought (IIIT) pada tahun 1980 di Washington DC dan melalui institut inilah beliau menyalurkan usahanya yang utama iaitu pengislaman ilmu-ilmu. Bagi mengenangkan jasa beliau terhadap ilmu-ilmu Islam dan terhadap perkembangan konsep pengislaman ilmu di UIAM, maka pihak UIAM telah memperkenalkan "The Ismā'īl Al-Fārūqī Award for Academic Excellence" (sejak 1995). Pada 27 Mei 1986, Ismā'īl dan isterinya telah dibunuh secara sadis di kediaman mereka di Philadelphia. Lihat, lampiran surat-surat lama bertarikh: 11Januari, 1981; 12Januari,1981; 26Januari,1981 antara Mahathir kepada Ismail Faruqi; surat Anwar ke Isma 'īl Fārūqī dan surat Isma 'īl Fārūqī kepada Anwar dan Nakha'i: ***http: // members. tripod. com/ suratlama/ Index. htm;*** ***http://www.iiu.edu.my/rescentre/award/ismail.htm***.

[105] Syeikh Yūsuf al-Qaraḍāwī dilahirkan di Mesir pada tahun 1926; hafaz al-Qur'an ketika umur 9 tahun; graduan Universiti al-Azhār dari peringkat sarjana muda hingga Ph.D (syari'ah) pada tahun 1973. Diiktiraf oleh Universiti al-Azhār sebagai lulusan terbaik untuk abad ini. Beliau menyertai al-Ikhwān al-Muslimūn di bawah pimpinan Ḥasan al-Bannā; terpengaruh dengan aliran fikah salafiah yang dipelopori oleh Sayid Sābiq. Oleh kerana suasana politik yang tidak memihak kepadanya beliau berhijrah ke Qaṭar; pada masa kini (2001) beliau masih menjawat jawatan Dekan Kolej Syari'ah dan Kajian Islam dan Pengarah Pusat Kajian Sunnah dan Sirah, Universiti Qaṭar. Beliau pernah beberapa kali ke Malaysia iaitu sejak 1974, 1976 dan 1978 lagi dan tahun 1990-an atas undangan ABIM dan atas undangan dan tetamu kerajaan Malaysia, terutamanya TPM, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1990-an (1996); pada tahun 1996 beliau mengadakan pertemuan tertutup dengan Ahli Jawatan Kuasa Pusat ABIM, Ahli Majlis Syura Tertinggi ABIM dan veteran ABIM; kesarjanaannya diperakui oleh Majlis Penganugerahan Presiden UIAM. Lihat, Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM ke-25, 16-19 Ogos 1996, hlm. 16.

[106] Syeikh Muḥammad al-Ghazālī al-Saqqā, dilahirkan di Nakala al-'Ināt di daerah Ayta al-Barūd di Buḥayrah Mesir pada 22 September 1917. Menghafal Qur'ān ketika umur 10 tahun, lepasan Universiti al-Azhār mendapat pendidikan daripada ulama besar al-Azhār dan amat terpengaruh dengan gurunya Ḥasan al-Bannā sejak mula terlibat dengan al-Ikhwān al-Muslimūn ketika masih muda lagi. Beliau seorang tokoh ulama, mujaddid dan ahli fikir Islam Mesir dan pernah beberapa kali menjadi tamu kerajaan Malaysia dan ABIM. Lihat, Laporan Muktamar Sanawi ABIM ke 25, hlm 11. Beliau dikurniakan presiden bagi

Muḥammad al-Wakīl, 'AbduLlāh 'Aqīl, Dr. Ḥasan Turābī dan Ṭahā Jābir al- 'Ilwānī. PAS pula mengambil tokoh-tokoh gerakan Islam yang agak sesuai dengan sifat pembangkangnya, PAS mendapatkan pengiktirafan daripada al-Ikhwān al-Muslimūn Mesir dan Jordan. Sa'īd Ḥawwā merupakan tokoh gerakan Islam yang dianggap radikal dapat mempengaruhi pemikiran gerakan Islam di Malaysia; tulisan-tulisan beliau mendapat tempat di kalangan para aktivis gerakan baik ABIM mahupun PAS. Begitu juga, Saiful Islām (anak Ḥasan al-Bannā), Muṣtafā Masyhūr (Mesir) dan Fatḥī Yakan (Jordan) pernah beberapa kali mendapat undangan daripada PAS sempena muktamar tahunannya.[108]

Oleh itu, jelas terbukti bahawa setiap jemaah dan tokoh gerakan Islam di Malaysia cuba mendapat pengiktirafan daripada gerakan Islam Timur Tengah bagi meraih sokongan dan dukungan para pengikutnya dan masyarakat Melayu di Malaysia. Dalam hubungan itu, IRC cuba mendapatkan pengiktirafan gerakan Islamnya daripada al-Ikhwān al-Muslimūn (Kuwait) yang mengadakan rangkaian organisasi peringkat dunia

---

kesarjanaan yang cemerlang oleh Presiden, UIAM (Anwar Ibrahim) pada 22 Ogos, 1995. Lihat, ***Buku Cenderamata Syarahan Umum Shaikh Muḥammad al-Ghazālī al-Saqā***, anjuran Jabatan Perdana Menteri pada 5 September 1995 di Dewan Merdeka PWTC, Kuala Lumpur. Untuk lebih lanjut mengenai sejarah dan pemikirannya; lihat, Mohd Rumaizuddin Ghazali, ***Syeikh Muḥammad al-Ghazālī: Sejarah dan Pemikiran***, (Johor Bahru: Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Johor, 1999).

[107] Fatḥī 'Uthmān, seorang pemikir al-Ikhwān al-Muslimūn yang pernah aktif se zaman dengan Ḥasan al-Bannā dan kerana tekanan hebat terhadap al-Ikhwān al-Muslimūn maka beliau mengambil jalan keluar berpindah ke Amerika Syarikat dan kini menetap di sana. Beliau pernah beberapa kali ke Malaysia atas undangan ABIM. Misalnya pada tahun 1998, beliau datang ke Malaysia untuk menyempurnakan penulisan kitab tafsirnya iaitu Tafsīr Mauḍū'iyy yang kemudian dibukukan bertajuk: ***Concepts of the Qur'ān: A Topical Reading*** (Kuala Lumpur: ABIM, 1997). Tafsir tersebut menjadi ilham kepada ABIM mewujudkan kuliah Tafsīr Mauḍū'iy secara bersiri yang dikendalikan oleh Dr. Sidiq Fadil di Pusat Latihan ABIM, Kajang.

[108] Buku-buku beliau seperti ***Apa Erti Saya Menyertai Islam?*** yang diterbitkan oleh Pustaka Salam, Kuala Lumpur (1982) telah dijual melebihi 100,000 naskhah, begitu juga bukunya, ***Islam: Fikrah, Harakah dan Pembaharuan*** (terj. Hj. Mohd. Tahir Daeng Mengati) (Alor Setar: Pustaka Ikhwan, 1987), ***Bahtera Penyelamat Dalam Kehidupan Pendakwah*** (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1985) dan lain-lain lagi telah mendapat sambutan meluas di kalangan aktivis gerakan Islam sekitar tahun 1980-an; dan Fatḥī Yakan pernah menjadi tetamu khas di Muktamar Tahunan PAS ke-43 pada 30 Mei 1997.

atau 'Tanẓīm ad-Dawlī'.[109] Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pula cuba mendapat pengiktirafan ke atas program 'Islamisasi' kerajaan melalui tokoh-tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn yang selektif dengan menjemput dan menghormati mereka sebagai tetamu negara seperti Syeikh Yūsuf Qaraḍāwī, Syeikh Muḥammad al-Ghazālī, Syeikh Ṭāhā Jābir al-'Ilwānī, dan Abū Ḥamīd Sulaymān (dilantik sebagai Rektor UIA).

Pemikiran al-Ikhwān al-Muslimūn dan Masyarakat Melayu

Dari sudut pemikiran gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn mempunyai pengalaman yang luas dan lama dalam pertentangan ke atas sekularisme. Pendidikan al-Ikhwān al-Muslimūn telah melahirkan tokoh-tokoh pemikir yang berwibawa yang telah banyak melahirkan karya-karya mantap menolak faham tersebut secara menyeluruh dan berkesan.[110] Faktor ini dibantu pula oleh suatu gerakan penerbitan buku-buku gerakan Islam secara besar-besaran dalam pelbagai bahasa oleh IIFSO yang berpusat di Kuwait memudahkan lagi pemikiran al-Ikhwān al-Muslimūn tersebar luas di kalangan aktivis gerakan Islam tahun 1980-an. Di Malaysia karya-karya gerakan Islam dari tokoh-tokoh al-Ikhwān al-

---

[109] Pihak Tanẓīm ad-Dawlī al-Ikhwān al-Muslimūn yang berpusat di Kuwait pernah mengeluarkan kenyataan menafikan hubungannya dengan gerakan revolusi Islam Iran. Lihat, ***Risalah ABIM*** bil. 5/1982, hlm. 20.

[110] Misalnya, buku-buku al-Ikhwān al-Muslimūn yang popular seperti buku Abdul Kadir Audah, ***Islam Di antara Kebodohan Ummat dan Kelemahan Ulama*** (terj. Indon.) (Kuwait: IIFSO cet. 1973, 1978 dan 1981); buku Muhammad Quṭb, ***Salah Faham Terhadap Islam*** (terj. Indon.) terbitan Dian, 1975; Buku Sayid Quṭb ***Ma'ālim fi t-Ṭarīq*** (Penunjuk Sepanjang Jalan) (Kuwait: IIFSO, 1980) dicetak Polygraphic Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur dan karya Ḥasan al-Bannā, ***Risālah Jihād***, (terj.bahasa Melayu) (Kuwait: IIFSO, 1986); Sayid Quṭb, ***Mustaqbal Lihāza-Dīn*** (Masa Depan Di Tangan Islam) (terj. Bhs Melayu), (Kuwait: IIFSO, 1981); Yūsuf al-Qaraḍāwī, ***Sistem Pendidikan Ikhwān al-Muslimīn*** (terj. Indon.) (Kuwait: IIFSO, 1985) dan lain-lain telah disumbangkan penerbitannya oleh International Islamic Federation of Student Organizations (IIFSO) berpusat di Kuwait. IIFSO juga berperanan menaja penerbitan dan penyebaran buku-buku gerakan Islam yang berpengaruh seperti buku Mawdūdī, ***Cara Hidup Islam*** (terj. Bhs Melayu) (Kuwait: IIFSO, 1973, 1977); Abul Ḥasan 'Ali al-Ḥusnī an-Nadawī ***Māzā Khuṣiral 'alam bin-khiṭāṭil-Muslimīn*** (diterjemahkan dalam pelbagai bahasa) (Kuwait: IIFSO, 1978); Muhammad Natsir (Indonesia), ***Fiqhud-Da'wah*** (Kuwait: IIFSO, 1980) dan lain-lainnya.

Muslimūn diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan secara meluas pada tahun 1980-an.[111]

Suatu fenomena yang kurang menyenangkan pada dekad ini ialah obsesi dan penumpuan yang keterlaluan kepada bahan-bahan terjemahan, terutamanya yang berlatar belakangkan Timur Tengah tanpa diimbangi dengan karya-karya asli tempatan dan lambakan bahan-bahan terjemahan itu pula tertumpu kepada persoalan takfir seperti batas-batas iman dan kufur.[112] Bahan-bahan rujukan tersebut dikatakan menjadi salah satu punca kemunculan pendekatan dikotomi dan lahirnya gejala radikal dan ekstrem dalam gerakan Islam di Malaysia. Memang tepat sekali apa yang dinyatakan oleh Siddiq Fadil bahawa sikap menelan bulat-bulat tanpa memperhitungkan latar belakang sosio-politik daerah tertentu mungkin mengakibatkan generalisasi dan pendekatan yang tidak relevan, malah mungkin merbahaya.[113]

---

[111] Kebanyakan buku-buku tokoh-tokoh utama gerakan Islam al-Ikhwān al-Muslimūn seperti Sayid Quṭb, Syeikh Yūsuf al-Qarāḍāwī, Fatḥī Yakan, Ḥasan al-Bannā dan seumpamanya banyak diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sekitar tahun 1980-an. Lihat, M. Bukhari Lubis et. al ***Bibliografi Terjemah Karya Arab (1957-1992)*** (Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993); lihat juga, nota kaki; 83 tentang karya terjemahan Alias Othman.

[112] Lihat, misalnya, Sa'īd Ḥawwā, ***Batas-Batas iman dan Kufur***, Terj. (Kuala Lumpur: ABIM, 1982); 'Abdul Raḥmān Khāliq, ***Garis Pemisah Antara Kufur dan Iman***, terj. (Kuaala Lumpur: Pustaka Salam, 1984); 'Abdul 'Azīz bin Bāz, ***Perkara-Perkara Yang Membatalkan Iman dan Islam,*** (Kuala Lumpur: Gedung Hidayah, 1984); idem, ***Aqidah sahih Aqidah Kufur***, terj. (Alor Setar: Pustaka Ikhwan, 1986); Abū A'lā al-Mawdūdī, ***Islam dan Jahiliah***, terj. (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1984); Abū al-Ḥasan 'Alī an-Nadwī, ***Gejala Riddah Mengapa Tidak Ada Abu Bakar Memeranginya***, terj. (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1983); Kalim Siddiqui, ***Politik Islam dan Kufur,*** (Kuala Lumpur: The Open Press, 1985); Corak Tulisan-tulisan demikian mempengaruhi pula penulis-penulis dan penerbit-penerbit tempatan menerbitkan karya-karya yang bercirikan radikal misalnya; Sanusi Daeng Mariok, ***Batas-Batas Iman dan Kufur***, (Kuala Lumpur: Pakatan PAS, 1985); Abdullah al-Qari Haji Salleh, ***Analisa Dua Kalimah Syahadah dan sebab Kufur dan Murtad,*** (Kota Bharu: Pustaka ASA, 1987); idem, ***139 Amalan Jahiliah dan Perbandingan Manusia Kini,*** (Kota Bharu: Pustaka ASA, 1983); Hamdan Muhammad, ***Siapakah Taghut,*** (Kuala Terengganu: Pustaka Damai, 1986); Ramli Awang, ***Ṭāgḥūṭ dan Penyelewengan Masjid,*** (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Irgan, 1984); Abdul Hadi Awang, ***ḤizbuLlāh dan Ḥizbus-Syaiṭān,*** (Kuala Terengganu: Penerbitan Gedung Ummah, 1984); Nik Aziz Nik Mat, ***Pemisah Antara Iman dan Kufur,*** (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 1996).

[113] Lihat, Siddiq Fadil, "Gerakan Islam:Prinsip dan Cabaran" Kertas Kerja: Seminar Pemikiran Islam Ke Arah Pemurnian Pemikiran Islam di Malaysia, AIUM, Kuala Lumpur pada 9 & 10 Januari 1987, hlm. 20.

Di samping itu, faktor mazhab juga memainkan peranan penting dalam penyebaran pengaruh gerakan Islam Timur Tengah kerana masyarakat Melayu begitu terikat dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamā'ah dan boleh dikatakan kebanyakan kalangan 'ustaz' yang terlibat dengan gerakan Islam adalah lepasan dari Timur Tengah, terutamanya lulusan Universiti al-Azhār. Kebanyakan mereka tidak memilih ajaran Syiah, walaupun mereka terpengaruh dengan pendekatan revolusi Islam. Pergolakan politik di Mesir menarik minat mereka kerana pengaruh al-Ikhwān al-Muslimūn yang mereka peroleh melalui pembacaan dan berita-berita yang mereka peroleh daripada sumber-sumber tidak rasmi. Pengalaman pahit al-Ikhwān al-Muslimūn telah banyak dibukukan dan keadaan ini banyak mempengaruhi pemikiran para pelajar Melayu di Mesir. Kebanyakan lepasan universiti al-Azhār akan membawa balik buku-buku *turāth* (klasik yang muktabar) dan buku-buku semasa, terutamanya karya-karya daripada tokoh-tokoh al-Ikhwān al-Muslimūn.

Dalam memerangi pemikiran Barat, pemikiran Sayid Quṭb dan Sa'īd Ḥawā, terutamanya berhubung dengan konsep dan pemikiran jahiliah, sekular, tentera ALlāh, masyarakat Islam, batas iman dan kufur dan sebagainya adalah menjadi sumber penting kepada kebangkitan gerakan Islam yang dipelopori oleh kalangan pemuda-pemudi Islam. Sehingga ada pihak yang mendakwa bahawa revolusi Islam Iran itu bersumberkan kepada idea Sayid Quṭb. Idea penolakan sekularisme berjaya diketengahkan dengan baik oleh Sayid Quṭb dengan memperkenalkan idea kesyumulan Islam sebagai suatu cara hidup dan konsep tauhid 'ḥākimiyyah' sehingga melahirkan daya penentangan yang kuat terhadap ideologi berkenaan dan Barat merasai terancam dengan gelombang baru kebangkitan gerakan Islam. Malah ada yang mentafsir gejala ekstrem seperti takfīr

berpunca dari idea Sayid Quṭb; kenyataan ini dinafikan oleh adiknya, Muhammad Quṭb bahawa tulisan-tulisan Sayid Quṭb banyak disalahfahamkan oleh kalangan-kalangan tertentu.[114]

Di Malaysia pemikiran gerakan Islam yang radikal seperti Sayid Quṭb dan Mawdūdī amat berkesan menentang pengaruh ideologi sekularisme. Dekad 1980-an menampakkan perubahan dalam penentangan terhadap ideologi sekularisme dengan mengemukakan pendekatan penyelesaian masalah. Sejak kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO, ABIM tidak lagi menjadikan pemikiran Sayid Quṭb sebagai rujukan utama dan pemikiran Sayid Quṭb merupakan satu aliran yang radikal di dalam al-Ikhwān al-Muslimūn dan tidak mewakili pemikiran al-Ikhwān al-Muslimūn seluruhnya. ABIM lebih cenderung merujuk kepada pemikiran asli al-Ikhwān al-Muslimūn, Ḥasan al-Bannā. Pemikiran Sayid Quṭb sesuai untuk meruntuhkan pemikiran Barat dan kini sesudah keruntuhannya umat Islam lebih memerlukan pemikiran yang lebih konstruktif berbanding dengan apa yang diperjuangkan oleh Sayid Quṭb pada zamannya.[115] Usaha penyaringan dan menilai semula pemikiran gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn berlaku dalam perkembangan gerakan dakwah ABIM sehingga terbentuk satu gerakan yang

---

[114] Lihat, Siddiq Fadil, "Fī Ẓilāl al-Qur'ān-Suatu Pengenalan Ringkas", dlm. Kertas Kerja Tarbiyah Nuqaba' Kebangsaan 2, Anjuran ABIM pada 10hb April, 1983, hlm. 9.

[115] Pandangan Siddiq Fadil tersebut ditemu bual oleh Muhd Fawzi Zakaria, ***al-Ilāhiyyāt Menurut Sayid Quṭb***, 1991, hlm. 343. Mengenai pengaruh tafsir ***Fī Ẓilāl al-Qur'ān*** terhadap kemunculan aliran radikal di dalam perjuangan Islam, Siddiq Fadil dalam kuliah tafsir Mauḍū'iyy yang pertama di Pusat Latihan ABIM (1998) mengakui memang dampak aliran radikal yang agresif dengan kecenderungan melihat masyarakat lain sebagai masyarakat jahiliah. Namun demikian, tafsir ini dipertahankan oleh adik Sayid Qutb, asy-Syeikh Muhammad Qutb. Menurut beliau, Sayid Qutb tidak pernah bermaksud sedemikian tetapi telah disalahgunakan. Siddiq Fadil pula berpandangan bahawa tafsir ***Fī Ẓilāl al-Qur'ān*** amat baik untuk meruntuhkan keyakinan pegangan golongan Barat yang taksub dengan kebaratannya. Lihat, ***http:// www. abim. org. my/ ilmu/ tafsir/ tm1. html***

bersifat mandiri bermanhaj Maliziy, bebas dari kongkongan pengaruh luar.[116] Malah, ABIM berani mengkritik sesetengah pandangan radikal aliran Quṭb yang berlatarbelakangkan 'radikalisme' bahawa pandangan tersebut tidak semestinya sesuai dengan citra dakwah Islam di sini yang berlatarbelakangkan sederhana. Maka hasil adunan pemikiran, kritikan dan pengalaman tersebut ABIM telah berjaya melahirkan 'Manhaj Maliziy' yang tersendiri dan unik di rantau ini sehingga dikagumi oleh tokoh-tokoh dakwah di Timur Tengah sendiri. Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī (1995) misalnya pernah menyatakan bahawa dulu kami (al-Ikhwān al-Muslimūn) pernah menjadi guru kamu (ABIM) dan sekarang kamu pula menjadi guru kami.[117] Namun demikian, pendekatan moderat ABIM tersebut hanya popular di kalangan sebilangan para pegawai kerajaan, para intelek, para pelajar dan para profesional. Sementara itu, pengaruh radikalisme dalam dakwah dan politik Islam ketika itu (selepas peristiwa 1982) masih menguasai kebanyakan warga gerakan Islam yang '*anti-establishment*'.[118] Keadaan ini sebenarnya tidak berlaku dalam PAS malah PAS meneruskan pemikiran radikal bagi tujuan menghadapi parti pemerintah yang dilabelkannya sebagai parti sekular.

---

[116] Di antara usaha ABIM untuk menilai pemikiran radikal al-Ikhwān al-Muslimūn dengan menjemput para sarjana yang mengkaji tentang gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn. Pada bulan Mac 1987, exco ABIM pusat telah menjemput Mohammad Redzuan Othman yang ketika itu sedangkan membuat kajian sarjananya mengenai al-Ikhwān al-Muslimūn di United Kingdom untuk membentangkan kajiannya berhubung dengan al-Ikhwān al-Muslimūn dan Gerakan Radikalisme di Mesir. Temu bual dengan Dr. Mohammad Redzuan Othman pada November 2000 di Universiti Malaya.

[117] Pengakuan tersebut diucap ketika beliau menyampaikan ucapan khas sempena Muktamar Sanawi ABIM ke-24 di Dewan Belia, Kompleks Belia, Kuantan pada 20-23 Ogos 1995.

[118] ABIM mendapati lebih 90 peratus aktivis ABIM dekad 1980-an dan 1990-an adalah terdiri dari kakitangan kerajaan. Sebenarnya, kebanyakan penyokong ABIM pada tahun 1970-an yang terdiri daripada kalangan masyarakat bawahan seperti petani, peladang, pekebun kecil berpihak kepada parti PAS dan

Perkembangan Institusi-Institusi Gerakan Islam

Sungguhpun gerakan era tahun 1980-an mencatatkan pertembungan pemikiran antara gerakan radikal dan moderat, namun demikian terdapat kesan-kesan positif di dalam bidang-bidang tertentu seperti bidang penulisan. Misalnya, PKPIM dan ABIM berperanan menyebarkan buku-buku berkenaan melalui penjualan dengan harga murah atau kadang-kadang diberi percuma. ABIM telah mengasaskan Dewan Pustaka Islam (DPI) pada tahun 1976 bagi tujuan menerbitkan buku-buku gerakan Islam; kemudiannya lahir beberapa penerbit dengan tujuan yang sama dekad 1980-an seperti Pustaka Salam (1982), Thinker's Library, al-Rahmaniah, al-Ikhwan, Dewan Pustaka Fajar dan Kedai Buku Hizbi. Keadaan ini memudahkan tersebarnya kefahaman yang jelas terhadap kesyumulan Islam dan idea-idea gerakan Islam dalam menentang kebangkitan aliran sekularisme. Buku-buku gerakan Islam berpengaruh di kalangan para aktivis dan para simpati mereka. Idea-idea gerakan dapat tersebar kerana kebanyakan para aktivis terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang dapat berperanan melalui aktiviti-aktiviti kuliah, ceramah, usrah, bengkel, konvensyen dan sebagainya.

Pengaruh tulisan pemikir-pemikir gerakan Islam Timur Tengah dan India-Pakistan seperti Sayid Quṭb dan Abū A'lā Mawdūdī adalah antara faktor terpenting yang telah mempertingkatkan kesedaran Islam dalam konteks "Kebangkitan Semula Islam" semasa di Malaysia, terutamanya pada tahun 1970-an dan tahun 1980-an. Slogan "Islam sebagai niẓām al-ḥayāh" telah menjadi pegangan dan ideologi para pencinta gerakan Islam. Kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO memberi peluang kepada idea tersebut berkembang ke dalam UMNO yang dianggap sebagai parti Nasionalis Melayu

---

sebilangannya berada dalam parti UMNO. Temu bual dengan sdr. Shahran Kassim, Setiausaha Agong ABIM Pusat di Sekretariat ABIM Pusat di Sri Rampai, Setapak pada 29 Disember 1999.

yang berideologikan sekular. Dengan keyakinan bahawa UMNO bersifat pragmatis yang banyak bergantung kepada corak kepimpinan yang menguasainya, Anwar Ibrahim dan para pengikutnya berjaya menjadikan aliran pemikiran Islam yang berteraskan kepada kefahaman Islam sebagai niẓām al-ḥayāh menguasai UMNO mengatasi aliran pemikiran kebangsaan. Selain itu, gerakan dakwah dalam kerajaan bergerak secara menyeluruh melalui program penerapan nilai-nilai Islam di jabatan-jabatan kerajaan.

Suatu perkembangan menarik berlaku akibat persaingan antara pendekatan gerakan radikal dan moderat ialah persaingan mewujudkan institusi-institusi gerakan demi kelangsungan perjuangan dan pengaruh gerakan masing-masing. ABIM yang dikatakan menuju era kematangan meningkatkan mutu pendidikan, ekonomi dan sosialnya. Kepesatan pengembangan institusi-institusi gerakan Islam dalam ABIM menimbulkan 'rasa cemburu' kepada gerakan Islam lain seperti PAS, JIM dan Arqam untuk turut serta menubuhkan dan mengembang institusi-institusi masing-masing.[119]

ABIM melalui Biro Pendidikannya menubuhkan institusi-institusi pendidikan Islamnya yang tersendiri bermula dengan penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) pada tahun 1975. TASKI ABIM telah memperluaskan kegiatan pendidikannya kepada peringkat Sekolah Rendah Islam (SERI) ABIM, Maahad Tarbiah Islamiah

[119] KBI (ABIM) ditubuhkan pada 26 Disember 1976, diikuti oleh Kohilal (PAS) pada 3 Jun 1986, KIMB (JIM) pada 21 Januari 1994 dan Rufaqa' Corporation (ARQAM) (1997). KIMB, walaupun lahir pada tahun 1990-an, merupakan kesinambungan dari usaha mendaulatkan Islam oleh gerakan Islam yang aktif pada zaman kebangkitan semula Islam itu, seperti Islamic Representative Council (IRC) di United Kingdom, Malaysian Islamic Study Group (MISG) di Amerika Syarikat dan pertubuhan pelajar-pelajar Islam Malaysia di Timur Tengah yang bergabung atas wadah JIM. Rufaqa' pula, walau pun merupakan perniagaan Islam paling muda di antara perniagaan empat gerakan ini, sebenarnya berakar dari perniagaan Al-Arqam yang bermula pada tahun 1977 lagi. Rufaqa' juga pada hakikatnya lahir sekitar zaman kebangkitan semula Islam dan boleh dianggap sebagai perniagaan Islam kedua terawal, selepas KBI. Lihat, Muhammad Syukri Salleh, "Kepelbagaian Pendekatan Perniagaan Islam Di Malaysia: Suatu Perbandingan" Kertas Kerja di Seminar dan Ekspo Pengurusan Perniagaan Islam 2001, anjuran Yayasan Nurul Yaqeen dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Majalah Massa, Utusan Melayu (M) Berhad dan Millennium Ark (M) Sdn. Bhd., di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur, pada 26-27 Mei 2001.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Derang (1981), Tahfiz ABIM, Maahad al-Ummah, Sekolah Menengah Islam (SMI) ABIM di Ipoh (1988), Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam (IPII ABIM) (kemudian dikenali sebagai Kolej Darul Hikmat) (1989). Melalui Biro Ekonomi, ABIM menubuhkan Koperasi Belia Islam (KBI) (sejak 1976 lagi) dan ABIMAL (17 Disember, 1984) (kemudian dikenali sebagai Kanz Holding Sdn. Bhd.). Melalui Biro Tugas Khas, ABIM menubuhkan Islamic Out-Reach ABIM (IOA-ABIM) pada 21 Oktober, 1987. Melalui Biro Kebajikan, ABIM menubuhkan Agensi Bantuan Rakyat Malaysia (AMAL) dan Program Penyertaan Pembangunan Komuniti (PPPK) (1989). ABIM Pusat menubuhkan lebih daripada 10 sekretariat dan agensi pusat untuk melicinkan pentadbiran dan perlaksanaan program di peringkat pusat.[120]

Demi kelangsungan perjuangan, PAS menubuhkan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) (1980-an), Madinatul 'Ilmi di Bachok (1984), Muassasah Darul 'Ulum (kemudian dikenali dengan Kolej Islam Darul Ulum) di Pokok Sena, Kedah (1984)[121] dan Institut Berakan (Maahad Ikhwan) di Terengganu (akhir tahun 1970-an), Kohilal (1986), akhbar ***Harakah*** (1987), Ilham (Institut Latihan dan Kepimpinan) (ditadbir oleh pengerusi Lujnah Tarbiah PAS Pusat, Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang).[122] IRC (kemudiannya JIM) juga melalui para pendukungnya menubuhkan sekolah rendah dan menengah Islam sendiri seperti Sekolah al-Hira' (1985) (Klang) dan Sekolah Rendah Islam al-Amin (1990 Setiawangsa) serta Maahad Tahfiz al-Qur`ān Hira'[123] dan

---

[120] Lihat, ***Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ABIM (1973-1990).***

[121] Lihat, *http://members.tripod.com/~paskedah/muassasah.html*

[122] Temu bual dengan Hassan Shukri pada 26 Jun 2002 di Taman Melewar, Kuala Lumpur.

[123] Lihat, *http://iphira.tripod.com/profil/sejarah.htm*

menubuhkan syarikat perniagaan al-Abrar yang dikenali sebagai Abrar Corporation Berhad (Abrar) pada tahun 1997.[124] Persatuan Ulama Malaysia menubuhkan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad atau nama ringkasnya, Koperasi Muslimin pada 22 November 1980.[125]

ABIM memantapkan kurikulum usrah dan tamrin bagi melahirkan para aktivisnya. ABIM memperkenalkan Tamrin al-Kader peringkat Kebangsaan dengan tema ke arah membina "*aj-Jīl al-Rabbānī al-Multazim* dan *Tarbiah Nuqabā'* Kebangsaan.[126] Begitu juga, PAS yang membentuk dasar tarbiahnya kepada ahli-ahlinya dengan menjadikan usrah dan tamrin sebagai teras kegiatan partinya.[127] Di samping itu, terdapat dua bentuk program tarbiah PAS yang berpengaruh di kalangan ahli-ahli dan penyokongnya. Pertama ialah program umum seperti kuliah pengajian agama mingguan (kuliah Jumaat) dan keduanya ialah program intensif yang melibatkan anggota pemuda. Tokoh utama yang menggerakkan program ini ialah Haji Abdul Hadi Awang dan Haji Yahya Othman. Di antara rujukan rasmi kedua-dua program tersebut ialah kitab ***Fī Ẓilāl al-Qur`ān*** atau terjemahannya dan kitab ***al-Islām*** oleh Sa'īd **Ḥawā** atau terjemahannya.[128]

---

[124] Lihat, *http://www.klse.com.my/website/listing/lc/abrar.htm*

[125] Lihat, *http://welcome to/komuslimin*

[126] Tarbiyah Nuqabā' adalah bertujuan meningkatkan kualiti Naqib dalam mengendalikan usrah dan ia juga bertujuan menyeragamkan perlaksanaan panduan usrah ABIM yang dibentangkan oleh ustaz Wahab Zakaria; dan kertas kerja 'ke arah memahami al-Ma'thūrāt' oleh Ustaz Ghani Shamsuddin; dan Metodologi Pengajian Hadis oleh Ustaz Razali Nawawi. Tarbiyah Nuqabā' Kebangsaan pertama diadakan pada 25-27 Disember 1981 di Markaz ABIM Teras Jernang, Bangi, Selangor.

[127] Lihat, kertas kerja Yahaya Othman, Peranan Tarbiyah Dalam Harakah Islam, (Kuala Lumpur: Pejabat Agung PAS dan idem, Usrah Sebagai Tunjang Kepada Tarbiyah Grakan Islam, Kota Bharu, 6 September 1985.

[128] Lihat, Muhammad Fawzi Zakaria, Al-Ilāhiyyāt menurut Sayid Quṭb, hlm. 325.

Sungguhpun kefahaman Islam yang syumul dan dinamik lebih merata berbanding sebelumnya, namun demikian penghayatannya masih tidak sepadu dan tidak menyeluruh. masing-masing Jemaah mewujudkan identiti tersendiri dalam perlaksanaan Islam di tengah masyarakat. Ini berpunca daripada persaingan yang tidak sihat di kalangan Jemaah yang saling tuduh-menuduh dan prasangka antara satu sama lain serta tiada keutamaan dalam mencapai cita-cita perjuangan.

Persaingan turut berlaku dalam penerbitan bahan-bahan bacaan untuk Jemaah, masing-masing menerbitkan buku-buku terpilih sesuai dengan pendekatan gerakan Islam masing-masing. Persaingan tersebut dapat dibuktikan melalui penerbitan para penerbit seperti DPI (ABIM), Penerbit Hizbi, Dewan Pustaka Fajar (PAS) dan Pustaka Salam (IRC). Pada tahun 1980-an juga berlakunya perkembangan pesat penggunaan istilah-istilah gerakan Islam seperti ḥarakah, da'wah, amar ma'rūf nahi mungkar, mursyid al-'ām, ad-dīn wa ad-dawlah, 'amal islāmī, ansār ad-da'wah, as-ṣafwah al-mukhtārah, fikrah ḥarakiyyah, dan seumpamanya[129] dan penggunaan nama-nama tokoh gerakan Islam dalam menamakan nama anak-anak dan nama-nama lain seperti Ḥasan Al-Bannā, Ahmad Khomeini, Saiful Islām, Maktabah Qaraḍāwī di Bangi, Taman Asuhan Kanak-Kanak Islam Sayid Quṭb dan sebagainya.[130] Di samping itu, tersebar luas fatwa batas iman-kufur oleh Mufti Arab Saudi, 'Abdul 'Azīz bin Bāz dan Amanat Haji Abdul Hadi Awang. Selain itu, lahir gerakan agresif membentuk kerajaan Islam seperti *junduLlāh* di

---

[129] Sejak ditubuhkan, ABIM telah memperkenalkan lebih seribu istilah untuk menampung konsep-konsep dakwah di Malaysia. Kebanyakannya dipinjam daripada konsep-konsep dalam bahasa Arab yang telah dimelayukan atau dikekalkan ciri Arabnya. Lihat, Md Sidin Ahmad Ishak, "Kamus ABIM Seribu Istilah" dlm. ***Angkatan Belia Islam Malaysia (1971-1996)***, hlm. 83.

[130] Temu bual dengan Dr. Azami Zaharim yang mengakui bahawa bapanya menamakan adiknya Ḥasan al-Bannā Zaharim kerana pengaruh ketokohan Ḥasan al-Bannā dalam gerakan Islam di Malaysia. Temu bual pada Jun 1998 di Shah Alam.

Kelantan akibat dari pengaruh kitab ***JunduLlāh*** oleh Sa'īd Ḥawwā, namun demikian gerakan ini tidak direstui oleh pimpinan PAS.[131]

Pengaruh Syiah dikatakan turut mempengaruhi gerakan pemuda (PAS), terutamanya dalam penghayatan konsep *taqiyyah* dan slogan menentang golongan sekular serta meletakkan kepimpinan ulama pada kedudukan yang tertinggi sekali. Namun demikian, pihak PAS menafikan gerakan Syiah menguasai partinya. Masalah Syiah dalam PAS adalah masalah kecil sahaja, hanya sebilangan kecil sahaja berjinak-jinak dengan mazhab Syiah dan Abdul Hadi Awang pernah menasihati penganut-penganut Syiah di Malaysia supaya tidak menyebarkan dan mempengaruhi masyarakat Islam di negara ini yang majoritinya bermazhab Ahli Sunnah Waljamā'ah.[132] Menurut kenyataan (lisan) Perdana Menteri Malaysia terdapat lebih kurang 500 orang pelajar Malaysia yang terdiri daripada anak-anak ahli PAS yang dikatakan mendapat pendidikan Syiah di Iran. Namun demikian, kenyataan sebenar tidaklah demikian. [133]

---

[131] JunduLlāh atau Tentera ALlāh ditubuhkan oleh satu kumpulan anggota PAS pada 29 Ogos 1987 di Pantai Cinta Berahi (Cinta Bulan), Kelantan. Tujuan penubuhannya adalah untuk membentuk pentadbitan Negara Islam melalui tindakan militan. Lihat, George K. Tanham dan Eleanor S. Wainstein, ***Islam in Malaysia***, Kertas Kerja yang disediakan untuk 'Deparment of State' pada June 1988, hlm. 19.

[132] ***Harakah***, 25 Jun 1993 dan 9 Julai 1993.

[133] Lihat, Kaset Dajjal? Amar Mungkar Nahi Maaruf!, tanpa penerbit, 1998; menurut keterangan PM, para pelajar yang pergi ke Iran itu mendapat restu daripada Ustaz Hadi Awang. Sebenarnya, kebanyakan pelajar-pelajar yang pergi menuntut ke Iran (kebanyakan belajar di Qum) adalah mereka yang tidak berjaya melanjut pengajian agama ke Mesir, Jordan, Pakistan dan India; bilangan 500 orang pelajar yang belajar di Iran adalah tidak benar kerana menurut keterangan penasihat kedutaan Malaysia di Iran bilangan pelajar Malaysia di Iran pada tahun 1999 adalah 28 orang sahaja dan pada tahun 1998 ialah 18 orang. Kerajaan Iran tidak menggalakan pelajar-pelajar luar terlibat dengan politik dan mereka memang belajar mazhab Syiah. Temu bual dengan Abdul Majid Rejab, Pengarah Operasi Penyelidikan JPM dan bekas penasihat kedutaan Malaysia di Iran pada tahun 1995-2001 pada 15 Julai 2001 di No. 4, P 8A/2, Bandar Putera Jaya.

Rumusan

Radikalisme adalah ciri utama gerakan Islam yang biasanya dihubungkan dengan amalan radikal di Timur Tengah. Sebenarnya radikalisme adalah fenomena sejagat dan bukanlah sifat semula jadi sesebuah gerakan Islam. Tidak dinafikan bahawa pengaruh luar mempengaruhi radikalisme dalam gerakan Islam di Malaysia pada awal 1980-an. Ia berpunca dari pengaruh kebangkitan Islam di Timur Tengah, terutamanya dengan kemenangan revolusi Islam di Iran. Pengaruh yang paling ketara ialah pemikiran radikal yang bersumberkan daripada pemikiran 'revolusioner' Sayid Quṭb, Mawdūdī, Fatḥī Yakan dan seumpamanya. Keadaan ini terbukti daripada bahan bacaan yang digunakan oleh para aktivis gerakan Islam di Malaysia, terutamanya dalam kegiatan usrah dan tamrin mereka.

Kesan yang nyata dari pemikiran radikal itu ialah lahirnya tindakan agresif untuk menentang dan menjatuhkan pemerintah yang sekular sebaliknya pemerintah pula mengambil tindakan agresif menghapuskan gerakan radikal itu. Fenomena demikian turut berlaku di Malaysia hinggalah berlaku pertentangan pemikiran dan fizikal antara sekularis dan Islamis seperti gejala takfir dan peristiwa berdarah di Memali, Baling. Pertentangan demikian menjadi agak reda dengan berlakunya kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam UMNO yang dianggap sebagai simbol Islamis. Peristiwa tersebut telah berjaya merubah aliran pemikiran radikal ABIM kepada aliran pemikiran dan pendekatan moderat. Di samping itu, faktor kemasukan Anwar Ibrahim itu mempercepatkan lagi proses pematangan ABIM sebagai sebuah gerakan Islam.

Perubahan aliran pemikiran dakwah dalam gerakan ABIM adalah hasil dari usaha ijtihad kolektif secara syura bagi menangani kemelut radikalisme dalam gerakan

Islam yang menjadi fenomena sejagat ketika itu. Ternyata pendekatan moderat akhirnya melahirkan kemajuan dalam perkembangan dakwah di peringkat negara dan antarabangsa. Jemaah al-Ikhwān al-Muslimūn yang mengambil pendekatan sederhana pada zaman awalnya tidak pernah diberi kesempatan yang cukup untuk merealisasikan pemikiran tersebut dalam politik dan mereka turut menyanjung kemampuan ABIM membentuk manjah tersendiri dalam perkembangan gerakan Islam di Malaysia.

Sementara itu, PAS yang mengambil pendekatan radikal pada awal tahun 1980-an turut melakukan perubahan dalam menangani sekularisme dengan mewujudkan pelbagai institusi pendidikan, penerbitan dan ekonomi yang diasaskan oleh parti dan juga para pendukungnya. Keadaan ini membantu PAS menjadi parti politik Islam yang bermanhaj dakwah Islam di samping dapat menghindarkan daripada terlalu terikat dengan manhaj Timur Tengah yang berlatar belakangkan gerakan revolusi dan bawah tanah. Ternyata pemikiran radikal mengundang tindakan radikal dan ekstrem yang amat sukar untuk dikawal apatah lagi kalau sekiranya taasub sudah menguasai sesebuah Jemaah Islam.